

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III Bil. 45 Hari Khamis 9 Oktober 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997 (Ruangan)

Rang Undang-undang Bernama (Pindaan) 1997 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N.,
S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin
Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin
Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S.,
D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M.
(Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S.
(Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P.,
D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri
Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K.
(Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
(Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A.,
S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P.
(Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar
Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S.,
K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh,
D.P.M.P. (Gopeng)

- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titawangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,
Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas
Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng
(Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon
Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin
Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul,
D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd.
Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor
Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan
Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib,
D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji
Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul
Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan
Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P.,
A.D.K. (Parit Buntar)

- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 9 Oktober 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**GANGGUAN BUNYI BISING PESAWAT PEJUANG
SINGAPURA DI MUKIM TANJUNG KUPANG**

1. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah hasil siasatan tentang gangguan bunyi bising yang sering dihadapi oleh penduduk-penduduk di sekitar Mukim Tanjung Kupang, Gelang Patah akibat pesawat-pesawat pejuang Singapura yang terbang rendah di kawasan berkenaan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah gangguan bunyi bising itu.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai gangguan bunyi bising yang sering dihadapi oleh penduduk-penduduk di sekitar Mukim Tanjung Kupang, Gelang Patah, Johor akibat pesawat-pesawat pejuang Singapura yang terbang rendah tidak timbul lagi sekarang kerana pesawat Tentera Udara Republik Singapura telah pun mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan melalui persetujuan dan perjanjian di antara kedua-dua buah negara.

KERJA-KERJA KEMASYARAKATAN

KEPADA PESALAH REMAJA

2. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan hukuman yang bersifat mendidik seperti melakukan kerja-kerja kemasyarakatan seperti membersihkan kawasan sekitar, tandas-tandas awam, parit-parit dan longkang dan lain-lain. kepada penjenayah/pesalah remaja dalam usaha menerapkan nilai-nilai kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial kepada mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja kemasyarakatan adalah satu hukuman alternatif kepada hukuman penjara yang mana pesalah dihukum untuk membayar balik ganti rugi kepada masyarakat atas kerugian akibat dari perbuatan jenayahnya.

Program khidmat masyarakat boleh dianggap sebagai satu inovasi dalam bidang pemulihan pesalah. Walau bagaimanapun, satu kajian mendalam sedang dijalankan sebelum program ini dapat dilaksana dengan sepenuhnya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini pesalah-pesalah juvana atau pesalah remaja ini ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 17 tahun ke bawah. Dan dengan perkembangan kedudukan pendidikan dan kemajuan sekarang ini, adakah kerajaan berhasrat untuk menurunkan had umur pesalah juvana daripada 17 tahun sekarang kepada 15 tahun atau suatu had umur yang munasabah?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang berfikir tentang cadangan ini.

RIZAB EMAS MALAYSIA DAN DOLLAR AMERIKA

3. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah rizab emas (gold reserve) Malaysia. Adakah rizab lain seperti Dollar Amerika dan berapakah jumlahnya; dan
- (b) bilakah negara bercadang untuk mengurangkan atau menambahkan rizab emas atau Dollar ini. Jikalau tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar bersama-sama dengan soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Tawau yang dijadualkan untuk dijawab pada 5 November dan 3 Disember 1997 ini memandangkan soalan-soalan itu adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, perubahan rizab antarabangsa biasanya mencerminkan keseluruhan akaun imbalan pembayaran iaitu jumlah urusan negara dengan negara-negara lain. Urusniaga ini merangkumi urusan akaun barangan dan perkhidmatan yang juga disebut sebagai akaun semasa dan akaun modal imbalan pembayaran.

Rizab antarabangsa adalah penting bagi memastikan kesemua keperluan pertukaran asing negara dipenuhi iaitu bayaran bagi pengimportan barangan dan perkhidmatan, bayaran balik pinjaman dan aliran keluar modal. Sehingga

rizab ini digunakan, ia melambangkan nilai tabungan negara, peningkatan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia daripada RM27 bilion pada tahun 1990 kepada RM61.9 bilion pada akhir bulan September 1997 menggambarkan lebihan yang diperolehi melalui akaun dagangan dan aliran masuk modal jangka panjang.

Turun naik tahap rizab yang dialami pada tahun 1994 dan baru-baru ini mencerminkan terutamanya turun naik tahap pergerakan modal jangka pendek. Sebahagian daripada rizab luar negara adalah terdiri daripada emas manakala sebahagian besar lagi terdiri daripada beberapa mata wang asing termasuk Dollar Amerika Syarikat dan lain-lain lagi.

Namun begitu, komposisi rizab luar negara tidak boleh diumumkan kerana maklumat ini adalah diperingkatkan sebagai rahsia memandangkan pendedahan maklumat ini akan menjejaskan pengurusan pertukaran asing negara dan memanfaatkan golongan-golongan spekulator.

Pada akhir tahun 1996, negara-negara yang mencatatkan rizab luar negara yang tinggi adalah termasuk Jepun iaitu sebanyak US\$225.2 bilion, negara China sebanyak US\$101.2 bilion, Taiwan sebanyak US\$91.7 bilion dan Jerman sebanyak US\$90.9 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan kedudukan rizab negara, kita perlu memastikan negara mencatatkan lebihan dalam akaun semasa imbalan pembayaran. Langkah-langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan oleh kerajaan dengan kerjasama sektor swasta dan segenap lapisan masyarakat untuk

mengukuhkan kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran adalah termasuk:

- (i) meningkat daya saing eksport negara;
- (ii) mengurangkan import barangan dengan pengawalan perbelanjaan;
- (iii) meningkatkan nilai ditambah sektor pembuatan dalam negeri serta daya penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D negara agar negara berdaya menghasilkan barangan dalam negeri bagi mengganti barangan yang diimport;
- (iv) meningkatkan keupayaan sektor perkhidmatan negara agar negara dapat meningkatkan eksport perkhidmatan dan mengganti perkhidmatan yang diimport.

Usaha-usaha ini telah menunjukkan kesan positif di mana defisit akaun perkhidmatan imbangan pembayaran telah dapat dikecilkan dan defisit sebanyak RM5.9 bilion dalam suku keempat tahun 1996 kepada defisit sebanyak RM4.9 bilion dalam suku pertama tahun ini;

- (v) memastikan negara tidak berbelanja lebih daripada pendapatan; dan
- (vi) meningkatkan tabungan negara serta memastikan tahap pelaburan negara tidak melebihi tabungan negara.

Dalam hal ini, Kerajaan Perskutuan sejak tahun 1993 telah mencapai lebih dalam kedudukan kewangan keseluruhannya. Sekiranya sektor swasta dapat memastikan pelaburan mereka adalah sejajar dengan tabungan mereka, kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran dapat bertambah kukuh dan ini akan membolehkan kedudukan rizab negara bertambah kukuh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sebahagian daripada rizab negara adalah disandarkan kepada emas dan sebahagian lagi kepada Dollar Amerika. Dalam hal ini, saya ingin bertanya bahawa benarkah sekarang ini hanya ada dua agensi international currency rating agency iaitu satu moody, dan satu poor, very moody and very poor tetapi dia kaya. *[Ketawa]*

Dan ini menyebabkan bahawa rating activities itu agak bias oleh kerana dia American based companies. Jadi, adakah pihak Malaysia sekarang dan rakan-rakan lain ingin mengambil satu inisiatif antarabangsa supaya diwujudkan satu agensi rating currency antarabangsa yang tidak memihak kepada mana-mana pihak langsung dalam dunia ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah begitu tepat kalau kita hendak mengatakan bahawa agensi rating standard yang poor ini adalah bias kerana metodologi ataupun kaedah-kaedah yang dilakukannya adalah telus dan juga objektif.

Jadi, apa yang berlaku ialah dengan kejatuhan mata wang ringgit, maka kedudukan defisit akaun semasa kita agak kucar-kacir sedikit dan juga

kedudukan rizab kalau diikuti pertukaran pada masa itu dalam keadaan yang agak tidak berapa stabil maka saya fikir yang perlu kita lakukan ialah kita memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran khususnya akaun semasa kita sepertimana yang saya sebutkan tadi. Jikalau setiap ada masalah kita hendak wujudkan satu-satu agensi baru, maka mungkin kredibiliti kita akan dipersoalkan.

PESAWAT MAS KE KOTA KINABALU - BILANGAN PENUMPANG

4. **Puan Chua Soon Bui [Tawai]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) bilangan penumpang pesawat MAS yang tiba di Kota Kinabalu pada tahun 1995, 1996 dan 1997 hingga 30 September, 1997; dan
- (b) bilangan penumpang pesawat SIA dan AIRASIA yang tiba di Kota Kinabalu dalam tempoh yang sama dan sama ada lapangan terbang di Kota Kinabalu berkeupayaan untuk menangani penumpang yang berlebihan. Apakah masalah yang dihadapi dan bagaimana ianya dapat diatasi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.

Rustam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan penumpang yang tiba di Kota Kinabalu atas penerbangan MAS pada tahun 1995 ialah seramai 1,050,733 orang, 1,115,975 bagi tahun 1996 dan bagi tahun 1997 iaitu sehingga bulan September seramai 873,729 orang;

- (b) bilangan penumpang yang tiba di Kota Kinabalu dalam tempoh yang sama atas penerbangan Singapore Airlines iaitu bagi tahun 1995 ialah seramai 13,676 orang, tahun 1996 seramai 12,834 orang dan bagi tahun 1997 sehingga bulan Ogos ialah seramai 8,476 orang.

Manakala Syarikat Penerbangan Air Asia yang telah memulakan perkhidmatan ke Kota Kinabalu sejak 18 November 1996 telah mengangkut penumpang seramai 1,008 orang iaitu hingga akhir tahun 1996.

Bagi tahun 1997 sehingga bulan September, penumpang yang diangkut oleh Air Asia ialah seramai 5,769 orang.

Keupayaan terminal di Lapangan Terbang Kota Kinabalu sekarang ialah seramai 1,035 orang iaitu pada waktu puncak dan lapangan terbang ini masih berupaya mengendalikan penumpang-penumpang yang menggunakannya.

Walau bagaimanapun, perancangan telah dibuat untuk meningkatkan keupayaan kepada 2,015 orang untuk menampung keperluan pada tahun 2000 dan ke atas.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syabas kepada kementerian kerana membawa satu

lagi syarikat kapal penerbangan untuk membawa rakyat ke Kota Kinabalu seperti SIA dan Air Asia. Tetapi saya hendak bertanya sedikit, bagaimana dari segi tambangnya, manfaatnya kepada rakyat sama ada tambangnya daripada Air Asia ini lebih baik dan servisnya, selalu keluhan mereka yang menaiki kapal terbang pergi ke KK mungkin Kota Belud dia boleh sahkan, kadang-kadang mereka tidak puas hati dengan khidmat MAS dan juga tambangnya.

Bagaimana dengan Air Asia dan SIA ini, sama ada khidmatnya lebih baik dan tambangnya juga lebih murah?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Air Asia dan juga MAS lebih kurang sama kerana kita telah meminta supaya Air Asia juga memberikan perkhidmatan yang sebaik dengan yang diberi oleh MAS dan tambangnya pun lebih kurang.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang kagum dengan kecapaian pihak MAS selama ini terutamanya oleh kerana kementerian telah menunjukkan prestasi yang begitu baik dan saya ingin bertanya selama beberapa bulan ini apabila jerebu melanda negara kita, jerebu ya, bukan Jelebu [*Ketawa*] jerebu, saya ingin betulkan, jerebu melanda negara kita. Saya ingin tahu berapakah kekurangan pendapatan yang telah dialami oleh pihak MAS dan boleh atau tidak Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri menyatakan masalah yang telah dilalui oleh penumpang-penumpang sehinggakan penerbangan ke merata negara kita telah terpaksa ditangguhkan oleh kerana masalah jerebu yang melanda.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu ya. *[Ketawa]* Jelebu! Memang masa berlakunya jerebu tempoh hari banyak penerbangan MAS telah pun ditangguhkan khususnya daripada Kuala Lumpur ke destinasi seperti Langkawi, Pulau Pinang, Ipoh, Alor Setar, Kuching termasuk Johor Bahru. Dan ini telah menyebabkan banyak kesusahan kepada penumpang-penumpang, memang ada yang terpaksa membatalkan pemergian mereka satu, dua hari dan ada yang terpaksa menunggu sehingga waktu pagi, lepas itu diberitahu ditunda petang, lepas itu petang tak jadi. Jadi, memang telah banyak mengganggu keselesaan para penumpang.

Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak dapat dielakkan oleh kerana jerebu yang meningkat IPUnya pada ketika itu dan kami memang memohon maaf kepada semua penumpang yang telah banyak berlaku kesusahan. MAS juga telah mengalami banyak kerugian dan kerugiannya belum disiarkan lagi kerana mereka masih lagi mengira berapa banyak kerugian yang telah dialami, bala siap besok bolehlah saya maklumkan.

**TAHANAN LIMPAH SULTAN ATAU
TAHANAN LIMPAH YANG DI-PERTUA NEGERI
DAN TAHANAN LIMPAH YANG DI-PERTUAN AGONG**

5. **Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah Tahanan Limpah Sultan atau Tahanan Limpah Yang di-Pertua Negeri dan Tahanan Limpah Yang di-Pertuan Agong dalam penjara-penjara seluruh negara setakat pada 31 Ogos 1997. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan tahanan kategori ini tidak akan dilupai dan dibiarkan berada dalam tahanan lebih dari masa mereka telah menjalani

hukuman bagi membayar kepada masyarakat atas kesalahan-kesalahan yang mereka telah lakukan.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan beberapa soalan yang lain iaitu soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah, Marang dan Sandakan yang telah dikemukakan perkara yang lebih kurang sama pada tarikh 20 Oktober, 11 November dan 27 November 1997.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, jumlah Tahanan Limpah Sultan dan Tahanan Limpah Yang di-Pertua Negeri yang sedang ditahan di penjara-penjara di seluruh negara setakat ini adalah seramai 45 orang. Daripada jumlah 45 orang itu, hanya 7 orang yang telah ditahan melebihi 20 tahun. Dan 25 daripada 45 orang itu adalah dikategorikan sebagai kes juvana.

Bagi pesalah yang lain, yang dijatuhi hukuman seumur hayat yang telah ditahan melebihi 20 tahun, bilangannya adalah lima orang. Berdasarkan kepada Kaedah 55 Peraturan-peraturan Penjara 1993, Jabatan Penjara akan meneruskan prosedur untuk mengemukakan rayuan orang tahanan kepada Lembaga Pengampunan Negeri. Sokongan serta laporan Jabatan Penjara akan diberi selari dengan tahap pemulihan yang dicapai oleh tahanan sepanjang tempoh mereka di dalam penjara kepada Lembaga Pengampunan Negeri masing-masing dan keputusan Lembaga Pengampunan Negeri adalah merupakan keputusan yang muktamad.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kategori juvana, tidakkah satu kategori di mana seseorang ada didapati salah kerana tidak siuman dan ditahan sehingga ada perintah daripada Sultan atau Gabenor atau sebagainya. Dan juga adakah apa-apa dasar yang tetap untuk menyemak sesuatu kes. Saya beri satu contoh, seorang yang bernama Lim Heng Siew berumur 14 tahun, dia didapati salah dalam tahun 1976, umurnya 14 tahun, dia dilepaskan apabila dia berumur 21 tahun. Berbanding dengan ini ada satu orang di sana sekarang namanya Yap Choy, dia pun juvana bila dia didapati salah, dia ditahan dan dia ada di sana sehingga hari ini.

Adakah satu dasar yang tepat yang boleh diikuti oleh Lembaga-lembaga Pengampunan dalam negara ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat pihak Penjara buat ialah setiap empat tahun penjara akan mengemukakan rayuan mereka. Jadi, kalau sesuatu keputusan itu telah ditolak, mereka boleh merayu semula selepas empat tahun dan pihak Penjara akan mengemukakan penyata kepada Lembaga Pengampunan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya ada beberapa kes yang pihak Penjara kira tahap pemulihannya telah baik sedang kami uruskan, sebenarnya saya sendiri adalah berhubung dengan pihak yang berkuasa supaya memberi perhatian yang serius terhadap mereka yang kami ingat sepatutnya direkomen untuk ditimbangkan pengampunan.

Saya rasa ini sepatutnya jangan menjadi satu isu, kerana ia tidak tepat seperti akhbar kata 40 lebih orang yang nampaknya kebanyakan lebih dari 30 tahun. Sebenarnya tidak, hanya dua orang sahaja yang lebih daripada 30 tahun, itu pun kita sedang mengambil perhatian.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, di antara orang yang ditahan di bawah kategori ini di Penjara dan oleh kerana mereka telah disimpan dalam Penjara begitu lama, adakah kes-kes yang tertentu menunjukkan yang mereka ini tidak ingin ataupun enggan keluar daripada Penjara oleh kerana keluarga mereka tidak ada lagi dan perhubungan dengan masyarakat telah terputus.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang dapat kami kumpulkan, semua mereka ini memang hendak keluar. *[Ketawa]* Cuma selepas keluar sama ada mereka boleh orientasikan diri atau tidak, itu satu soal yang lain, tetapi dari pendirian pihak Penjara, program pemulihan yang kami sedang buat itu memang sentiasa menyediakan mereka balik ke pangkuan masyarakat. Jadi, harapan itu memang ada, jadi, dari segi sama ada undang-undang ataupun peri kemanusiaan memang pihak Penjara sangat seimbang.

PELANCONG TEMPATAN MELANCONG DALAM NEGARA - TARIKAN

6. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan mengenai kadar pelancong tempatan mengunjungi tempat-tempat pelancongan di negara ini amat tidak menggalakkan jika dibandingkan dengan pelancong asing, lantaran kos yang ditanggung oleh pelancong asing, apakah langkah serta perancangan kementerian bagi menarik minat pelancong tempatan melancong di tempat sendiri di samping dapat menikmati keindahan dan lebih mengetahui negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang mengatakan bahawa kadar pelancong tempatan mengunjungi tempat-tempat pelancong di negara ini amat tidak menggalakkan jika dibandingkan dengan pelancong asing adalah tidak tepat.

Daripada maklumat-maklumat yang diperolehi menunjukkan bahawa pelancong tempatan lebih ramai mengunjungi tempat-tempat tarikan pelancong seperti di Taman Tema berbanding dengan pelancong luar negara. Daripada kajian penginapan hotel pula, menunjukkan daripada 17.1 juta penginap yang tinggal di hotel bagi tahun 1996, 54.3% terdiri daripada penginap tempatan dan bakinya 45.7% adalah penginap asing.

Di antara langkah-langkah serta perancangan kementerian pula bagi menarik minat pelancong tempatan melancong di tempat sendiri ialah:

- (i) mempelbagaikan produk-produk dan aktiviti-aktiviti pelancongan yang berasaskan imej identiti, keunikan dan kekuatan tempatan serta produk yang khusus dan yang berasaskan buatan manusia seperti Taman Tema.
- (ii) menggalakkan pelaksanaan program yang menyediakan harga yang dimampui oleh pelancong domestik di antaranya pembangunan penginapan berkos rendah dan sederhana seperti Hotel Seri Malaysia, pelaksanaan pakej-

pakej pelancongan seperti MAS Golden Holiday, tambang berdiskaun bagi keluarga dan sebagainya.

- (iii) membangun dan mempertingkatkan accessibility kemudahan dan infrastruktur asas pelancong seperti jalan masuk jeti, tempat berteduh, terminal, pengangkutan dan sebagainya.
- (iv) mengadakan promosi galakan pelancong tempatan menerusi Program Kenali Malaysia, Warna-warna Malaysia oleh TV3, Program Destinasi khusus untuk agensi-agensi pelancongan bagi mempromosikan dan menjual pakej lawatan dalam negeri.
- (v) mengadakan seminar galakan pelancong dalam negeri kepada guru-guru dan pelajar sekolah dan mengadakan kuiz mega hiburan di radio mengenai tempat-tempat tarikan pelancong.
- (vi) mengadakan program Best of Malaysia dengan kerjasama Radio Astro dan mempromosikan menerusi papan-papan tanda mengenai tempat-tempat pelancongan di seluruh negara.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada setiap tahun ada ramai pemimpin-pemimpin negara iaitu Menteri, Timbalan

Menteri, Setiausaha Parlimen dan juga Exco-Exco Negeri menghabiskan cuti mereka di negara asing dengan perbelanjaan kerajaan.

Adakah kerajaan bercadang untuk menasihati mereka supaya bercuti di dalam negeri kita sendiri?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa mempromosikan produk-produk pelancongan dalam negeri dan kita menggalakkan pelancong-pelancong untuk melawati dan mengenali serta berhibur dengan kemudahan yang ada dalam negeri.

Namun, kerajaan tidak pernah menyekat pelancong negara kita untuk ke luar negeri. Saya yakin bukan sahaja pihak-pihak kerajaan tetapi pembangkang juga biasa ke luar negara dan kita pun tidak ambil tindakan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita melihat kepada pembangunan kawasan-kawasan pelancongan oleh pihak perseorangan, kita dapat melihat beberapa negeri mempunyai tempat-tempat pelancongan yang menarik untuk dibangunkan.

Masalahnya kadang-kadang mereka mempunyai kemampuan yang terhad ,umpamanya, aset yang mereka miliki tetapi tidak berkeupayaan untuk membangunkan.

Jadi, soalannya saya ingin bertanya apakah langkah-langkah kementerian untuk menggalakkan mereka ini yang mempunyai modal yang terhad untuk membangunkan sendiri kawasan-kawasan pelancongan itu dan adakah benar

dakwaan yang menyatakan bahawa terdapat tempat-tempat pelancongan terutamanya di kawasan persekitaran pantai timur yang dibangunkan tetapi tidak didaftarkan dengan pihak kementerian dan mereka melayani pelancong-pelancong luar lebih baik daripada pelancong-pelancong tempatan. Malah mereka sendiri tidak mempunyai pemandu pelancong yang khusus yang diberikan kursus dan juga panduan yang sebenarnya.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemudahan untuk membangunkan tempat-tempat pelancongan, kerajaan ada satu skim yang dinamakan Tabung Khas yang mana mereka yang ingin memajukan tempat-tempat pelancongan boleh membuat pinjaman dengan sokongan daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang mengenakan faedah yang begitu berpatutan. Syaratnya mestilah memenuhi beberapa syarat yang kita tetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemandu pelancong, ia menjadi satu syarat kalau ejen pelancongan itu membawa atau melayan pelancong-pelancong yang datang lebih daripada jumlah tertentu, mereka mesti mempunyai pemandu pelancong, kalau tidak menjadi satu kesalahan dan kalau Ahli Yang Berhormat ada mempunyai bukti-bukti yang sah, boleh membuat aduan dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sama ada terdapat tempat-tempat ataupun destinasi pelancongan hotel-hotel di pantai timur yang tidak memberitahu kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang ini diluar pengetahuan kita. Walau

bagaimanapun, adalah lebih elok untuk mereka memberitahu kementerian kerana kita ada mengeluarkan majalah dan dokumen untuk mempromosikan mereka dan kalau tempat-tempat mereka ada dimasukkan dalam buku-buku promosi ini adalah lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan layanan, ini subjektif. Walau bagaimanapun, secara dasar saya rasa bukanlah menjadi budaya kita untuk hendak melebih-lebihkan sangat orang luar ini. Tetapi masih lagi dalam pertanyaan sama ada seseorang itu melayani orang luar atau tidak, saya rasa adalah terpulang kepada individu. Secara dasar saya rasa industri pelancongan menekankan tentang memberi layanan yang sama, sama ada pelancong tempatan, domestik ataupun luar negara. Kalau terdapat satu layanan yang tidak memuaskan, saya rasa kementerian patut diberitahu dan kita perlu membetulkannya.

SKIM INSURANS KESIHATAN KEBANGSAAN

7. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan perkembangan rancangan pihak kementerian mewujudkan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan seperti yang pernah dinyatakan sebelum ini, serta mekanisme perlaksanaannya, memandangkan perkembangan yang membimbangkan dengan pertumbuhan pelbagai pusat perubatan swasta yang hanya melayani keperluan golongan berpendapatan menengah dan tinggi serta mengabaikan tanggungjawab sosial terhadap golongan masyarakat berpendapatan rendah sebagaimana yang didedahkan dalam laporan khas majalah MASSA bertarikh 23 - 29 Ogos baru lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.

Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih lagi mengkaji penubuhan

Skim Pembiayaan Penjagaan Kesihatan atau Health Financiers Scheme, dengan izin, yang sesuai bagi Malaysia termasuk cadangan memperkenalkan insurans kesihatan di negara ini. Walau bagaimanapun, kerajaan akan memastikan insurans ini tidak akan membebankan orang ramai.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan akan meneruskan cadangan untuk menaikkan semula cukai terhadap peralatan perubatan terutamanya terhadap hospital-hospital swasta ekoran dari kekecewaan pihak kerajaan terhadap kos rawatan yang agak tinggi yang dikenakan terhadap pesakit sebagaimana yang telah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan tadi, kita belum mengambil apa-apa keputusan muktamad, oleh itu saya tidak boleh jawab sekarang mengenai perkara ini.

PELAKSANAAN PROJEK BESAR YANG MEMPUNYAI “CONTENT” IMPORT - KESAN POSITIF

8. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah kesan-kesan positif yang telah didapati di dalam pasaran semenjak kerajaan mengkaji kembali pelaksanaan projek-projek besar yang mempunyai “content” import yang tinggi; dan
- (b) apakah reaksi dan sambutan daripada pelabur-pelabur.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari

Rompin bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar yang dijadualkan untuk dijawab pada hari ini, Ahli Yang Berhormat dari Beluran yang dijadual untuk dijawab pada 29 Oktober 1997 dan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan yang dijadual untuk dijawab pada 10 November 1997 memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan untuk menangguhkan beberapa projek infrastruktur yang besar adalah bertujuan untuk memperbaiki kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran. Keputusan ini akan membolehkan pengimportan barangan asing terutamanya berkurangan yang seterusnya akan memperbaiki akaun dagangan imbalan pembayaran dan memperkukuhkan lagi asas-asas ekonomi negara.

Oleh yang demikian ia akan mempertingkatkan keyakinan para pelabur khususnya pelabur dana asing memandangkan kedudukan imbalan pembayaran merupakan satu daripada pertunjuk ekonomi utama yang terpenting. Keputusan untuk menangguhkan beberapa projek ini, akan juga mengurangkan hutang luar negara memandangkan wujudnya keperluan untuk mendapatkan pembiayaan asing bagi projek-projek tertentu. Ini akan mengurangkan pendedahan negara kepada risiko berkaitan dengan turun naik kadar pertukaran matawang asing dan kadar faedah.

Projek-projek yang akan ditangguhkan perlaksanaannya adalah termasuk Projek Bakun Hidroelektrik, Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara, Kuala Lumpur Linear City, Putrajaya dan Lebuhraya Tanah Tinggi ataupun Hill Roads. Memandangkan keputusan ini baru sahaja dibuat, adalah terlalu awal untuk menilai kesannya terhadap ekonomi negara.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengatakan bahawa mungkin terlalu awal. Tetapi saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat pada hari ini, pukul 2.00 petang pertukaran kita US\$1 sudah meningkat kekuatan Malaysian Dollar kepada 309 berbanding dengan 340 lebih. Adakah ini merupakan salah satu kesan yang baik, yang positif tindakan kerajaan ini? Saya hendak bertanya sedikit pandangan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan di dalam jawapan saya pada hari Isnin yang lalu, sebahagian daripada kesan-kesan ataupun fakta-fakta yang mempengaruhi kejatuhan kedudukan matawang kita adalah faktor sentimen iaitu 'bahdi'. Jadi, apabila pihak pelabur mendengar bahawa projek-projek besar mega ini akan ditangguhkan, maka mereka tentu sekali yang mengetahui tentang kedudukan kewangan dan ilmu ekonomi tentu akan berlaku kedudukan defisit akaun semasa yang lebih baik.

Defisit akaun semasa akan lebih kurang dan insya-Allah, ianya akan dapat kita membawa ke bawah 5% daripada KNK. Ini mengikut pendapat-

pendapat ahli ekonomi ataupun conventional wisdom, dengan izin, mana-mana defisit akaun semasa yang di bawah 5% daripada KNK adalah selamat. Jadi, insya-Allah, kita sekarang ini dekat dengan 5% insya-Allah, ianya akan dapat diturun ke bawah dan apabila ia turun ke bawah lagi, maka confidence level ataupun tahap confidence di kalangan pelabur-pelabur asing dan juga pelabur tempatan akan meningkat dan kita tahu apabila projek-projek ini ditangguhkan ataupun dilengahkan ataupun diperlahankan, maka defisit akaun semasa pasti akan dapat diatasi dan dikurangkan.

Beberapa Ahli: *[Bangun][Ketawa]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Dan tentu sekali, ianya merupakan satu faktor yang akan meningkatkan lagi rating kita, ratings yang dibuat mengenai dengan matawang ringgit.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya ghairah kerana masalah kewangan ini, mesti diatasi secara tegas. *[Tepuk]* Salah satu cara kita iaitu mengurangkan import, menangguhkan mega projek, sekarang ini memang terbukti menambahkan keyakinan pelabur antarabangsa dan mungkin juga fund managers untuk kembali ke tanah air kita. Dan hakikat bahawa cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya pasaran matawang dunia ini diregulasikan ataupun dengan izin, being regulated, yang telah pun diterima oleh International Monetary Fund (IMF), dengan izin, adalah satu lagi bukti bahawa apa yang diperkatakan oleh pemimpin negara kita ini adalah benar.

Dan dalam konteks ini juga, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk cuba juga mengkaji kemungkinan supaya International Monetary Rating Agency juga sebagaimana saya soalkan tadi supaya boleh juga dikaji semula untuk memperkukuhkan lagi kredibiliti agensi-agensi yang berkenaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum, macam dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa lain-lain pertukaran mempunyai forumnya sendiri, mempunyai mediumnya sendiri, tetapi malangnya pertukaran ataupun perdagangan currency tidak ada.

Jadi, ini mencetuskan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mencadangkan kepada IMF supaya mewujudkan satu regim regulasi untuk hatch fund yang banyak sekarang ini yang merupakan satu kemungkinan bahaya wujud kalau ianya tidak diregulasikan dan juga memastikan bahawa perdagangan currency matawang itu diteluskan.

Jadi, sekarang ini diterima oleh IMF sebagai satu cadangan yang baik, yang sedang dikaji, yang sedang diselidiki dan mungkin insya-Allah, ianya akan dapat diinstitusikan oleh IMF. Jikalau inilah berlaku maka kehendak terhadap badan-badan ratings, badan-badan yang memastikan kedudukan ataupun referee kepada aktiviti ini, kehendak-kehendak ini akan meningkat dan kalau ianya meningkat maka kita tidak mahulah syarikat-syarikat Amerika sahaja yang memonopolikan usaha-usaha ini. Biarlah ianya dibuat oleh syarikat-syarikat

Asia ataupun syarikat-syarikat yang lebih tidak diwas-waskan sebagai mempunyai prejudis.

**JALAN UTAMA PERSEKUTUAN -
SIMPANG MAHMUD JALAN MIRI-BINTULU
KE BANDAR KECIL BELURU**

9. **Tuan Jabob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) bilakah seksyen Jalan Utama Persekutuan dari simpang Mahmud Jalan Miri-Bintulu ke bandar kecil Beluru dan seterusnya dari Beluru ke Jambatan Lapok yang sejauhnyanya itu kurang lebih 52 kilometer akan diturapkan; dan
- (b) bilakah Jalan Utama Persekutuan dari Jambatan Lapok ke Long Lama akan dibina memandangkan Bandar Kecil Long Lama itu akan menjadi sesuatu Pusat Pertumbuhan Desa di kawasan tersebut dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaiktaraf seksyen Jalan Utama Persekutuan dari Simpang Mahmud Jalan Miri-Bintulu ke Bandar Kecil Beluru sepanjang 19 kilometer telah diluluskan sebagai satu projek untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kos projek naiktaraf jalan dari Simpang Jalan Miri-Bintulu ke Beluru ini dianggarkan sebanyak RM30.11 juta manakala peruntukan yang

disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak RM12 juta sahaja.

Oleh yang demikian, skop kerja untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini ialah menaikkan taraf dan menurap sejauh 9 kilometer pertama dari Bandar Kecil Beluru menuju ke Jalan Miri/Bintulu iaitu Fasa I. Kerja ukur Fasa I telah sempurna dilaksanakan dan kini dalam proses rekabentuk. Tender untuk pembinaan Fasa I ini dijangka akan dapat dipanggil pada bulan November tahun ini dan pembinaan dijangka akan bermula pada awal tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen jalan daripada Bandar Kecil Beluru ke Jambatan Sg. Tinjar atau Jambatan Lapok juga telah dikenalpasti dan diluluskan sebagai satu projek untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kos projek membina Jalan Beluru-Long Teru ke Long Lama ini dianggarkan sebanyak RM30 juta manakala ceiling dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah diluluskan ialah sebanyak RM20 juta.

Berdasarkan kepada peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, skop kerja hanyalah dihadkan kepada pembinaan tiga buah jambatan di antara

Bandar Kecil Beluru dan Jambatan Sungai Tinjar dan juga pembinaan jalan dari Jambatan Sungai Tinjar ke Bandar Kecil Long Lama sejauh 10 kilometer.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Utama Persekutuan dari Jambatan Sungai Tinjar atau Jambatan Lapok ke Bandar Kecil Long Lama merupakan sebahagian daripada projek membina Jalan Beluru-Long Teru-Long Lama. Seksyen jalan ini adalah sepanjang 26 kilometer. Setakat ini, dua kilometer pertama telah disiapkan secara departmental. Tender untuk sebahagian seksyen jalan ini iaitu dari kilometer 2 ke kilometer 12 telah pun dipanggil dan kini sedang menunggu keputusan Lembaga Tender Persekutuan Sarawak. Pelaksanaan projek untuk bahagian atau fasa ini dijangka akan dapat bermula pada bulan November tahun ini. Bagi bahagian akhir jalan ini iaitu dari kilometer 12 ke kilometer 26, kerja-kerja ukur sedang dijalankan sekarang sama ada bahagian terakhir jalan ini dapat dilaksanakan atau tidak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Jika peruntukan tambahan tidak dapat disediakan dalam Kajian Separuh Penggal

Rancangan Malaysia Ketujuh, maka pelaksanaannya akan ditangguh ke Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada dua jambatan yang sedang dibina di jalan tersebut iaitu pembinaan jambatan melintasi Sungai Sebatang dan Sungai Bok. Nampaknya pembinaan kedua-dua projek ini sangat lambat, jadi, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi menjamin bahawa kontraktor tersebut tidak akan lewat-lewatkan pembinaan jambatan ini.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kementerian Kerja Raya belum lagi menerima laporan soal kelewatan ini, insya-Allah, kalau ada laporan ataupun kita sendiri boleh menyiasat dan membetulkan keadaan supaya berjalan mengikut jadual.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berikutan keadaan ekonomi sekarang, adakah peruntukan JKR bagi seluruh Sarawak akan dikurangkan, jika ada, berapa dan bolehkah kekurangan ini dielakkan memandangkan Sarawak sangat memerlukan peruntukan ini untuk pembangunan jalan raya yang jauh ketinggalan.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan telah mengumumkan pemotongan 2% ke atas perbelanjaan pembangunan dan juga pengurusan, setakat ini belum lagi ada sebarang keputusan yang diambil bagi mengurangkan belanja-belanja peruntukan yang

dikenakan ke atas projek-projek pembangunan jalan raya sama ada di negeri Sarawak mahupun di tempat-tempat lain di Malaysia.

PENDAFTARAN PEKERJA-PEKERJA ASING - MASALAH

10. **Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai usaha untuk memberi peluang kepada para majikan yang tidak sempat mendaftar pekerja-pekerja mereka terdiri di kalangan Pendatang Tanpa Izin dalam tempoh yang diberikan atas masalah sering berlakunya penghijrahan pekerja-pekerja dari satu majikan ke satu majikan yang lain.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk memberi peluang kepada majikan untuk mendaftar pekerja-pekerja mereka selepas berakhirnya program regularisasi pendatang tanpa izin Indonesia dan Filipina di Sabah dan Labuan pada 31 Ogos 1997 yang lalu. Tempoh program tersebut yang bermula sejak 1 Mac 1997 adalah satu jangka masa yang lama bagi majikan-majikan untuk mendaftar pekerja-pekerja mereka. Setiap majikan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pekerja-pekerja mereka tidak berpindah kepada majikan lain.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri masalah penghijrahan pekerja-pekerja dari satu majikan ke majikan yang lain memang banyak berlaku. Masalahnya penguatkuasaan memang sukar dibuat. Tetapi kalau kita selidiki ataupun kita lihat apa yang telah dibuat di negara lain umpamanya di Amerika mereka mengadakan 'social security card' yang mana apabila seseorang itu bekerja dengan satu majikan dalam kad itu ditetapkan

nama tempat majikan dia bekerja. Jadi, kalau dia hendak pindah ke majikan lain, dia tidak boleh menerima gaji kalau dia bekerja dengan majikan yang ditetapkan dalam kad itu. Jadi, adakah kerajaan bercadang memikir ataupun menyelidik lebih lanjut lagi sistem social security, style card itu yang dibuat di Amerika itu untuk di introduced kepada pekerja-pekerja asing datang ke Malaysia agar mereka tidak boleh berpindah dari satu majikan ke satu majikan yang lain, kalau dia buat dia tidak boleh menerima gaji kepada majikan yang kedua.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Semenanjung, pihak Jabatan Imigresen memang sudah merancang untuk mengadakan satu kad pengenalan untuk pekerja asing, ini telah pun kita sedang berusaha, bagi negeri Sabah perkara ini di bawah pasukan petugas khas Persekutuan, saya rasa mungkin kita kena bertanya pasukan petugas khas di bawah JPM.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak.

[Soalan No. 11 - Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu) tidak hadir]

JUMLAH PELANGGAN INTERNET MENERUSI JARING DAN TMNET

12. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah pelanggan Internet menerusi (i) Jaring dan (ii) TMNet sehingga 1.10.97, sila berikan pembahagian mengikut negeri ke atas kedua-dua statistik berkenaan; nyatakan sebab kepada pengurangan dalam kadar tambahan pelanggan sejak tahun lepas dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk memastikan kadar pelangganan Internet yang lebih tinggi di kalangan rakyat Malaysia selaras dengan ramalan MIMOS

pada April 1996 iaitu pelanggan Internet akan mencapai 500,000 pada akhir tahun 1997.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelanggan Internet di seluruh Malaysia sehingga 1/10/1997 ialah 167,447 terdiri dari:

- (i) Pelanggan Jaring - 88,363
- (ii) Pelanggan TMNet - 79,084

Pembahagian mengikut negeri bagi pelanggan-pelanggan Jaring adalah seperti berikut:-

	Negeri	Jumlah Pelanggan
(1)	Selangor	22,937
(2)	Kuala Lumpur	22,757
(3)	Pulau Pinang	12,175
(4)	Johor	6,954
(5)	Sarawak	6,343
(6)	Perak	5,029
(7)	Kedah	3,685
(8)	Melaka	2,283
(9)	Negeri Sembilan	1,710
(10)	Pahang	1,264
(11)	Terengganu	651
(12)	Kelantan	339
(13)	Perlis	292

Pembahagian mengikut negeri bagi pelanggan-pelanggan TMNet di bawah Telekom pula sedang dikemaskini.

Jumlah pelanggan baru Internet masih rendah disebabkan faktor-faktor berikut:

- (a) kadar panggilan telefon yang secara relatifnya meningkat apabila sistem panggilan mengikut masa digunakan.
- (b) harga komputer yang masih agak tinggi menyebabkan ianya tidak mampu dimiliki khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah; dan
- (c) tahap kefahaman masyarakat mengenai komputer masih lagi rendah khususnya di kalangan penduduk-penduduk luar bandar.

Bagi meningkatkan bilangan pelanggan Internet, kerajaan sedang berusaha mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan kesedaran orang ramai.

Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan ialah:

- (a) memberi penerangan tentang program Teknologi Maklumat (IT) kepada orang ramai;
- (b) mengadakan kempen kesedaran Teknologi Maklumat; dan
- (c) melaksanakan agenda Teknologi Maklumat Negara yang bertujuan untuk menghasilkan program pembangunan

Teknologi Maklumat yang lebih sistematik dan menyeluruh.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, pada hari Sabtu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melancarkan melalui radio televisyen live kalau tidak silap satu kempen untuk memperluaskan penggunaan IT, popularise IT di kalangan rakyat, adakah satu strategi di mana akan memberi galakan, insentif supaya boleh mempertingkatkan kadar penggunaan Internet di Malaysia khasnya mengenai penurunan kadar panggilan telefon yang satu punca utama kenapa ada kejatuhan yang begitu drastik Internet update.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, betullah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melancarkan. *[Ketawa]*

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, adakah benar pengurangan dalam kadar penggunaan Internet antara lain disebabkan orang ramai yang masih mempunyai sikap bias terhadap sesetengah bahan yang terdapat di dalamnya dan jika benar apakah tindakan kerajaan dalam mengubah pandangan ini agar matlamat dari segi bilangan pelanggan Internet sebagaimana yang dihasratkan tercapai.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar!

JAMBATAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN INDONESIA

13. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Perdana Menteri menyatakan tentang rancangan untuk membina jambatan di antara Semenanjung Malaysia dan Indonesia. Apakah faedah-faedah yang akan dinikmati oleh rakyat daripada projek ini. Adakah projek ini perlu untuk pertumbuhan ekonomi negara kita.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelevu pada 14 Oktober 1997 dan Ahli Yang Berhormat dari Labuan pada 1 Disember 1997.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Othman bin Abdul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan membina jambatan antara Malaysia dan Sumatera adalah di peringkat konsep. Kajian terperinci akan dijalankan oleh pihak yang berkenaan yang melibatkan sektor swasta Indonesia dan Malaysia. Namun memandangkan kedudukan ekonomi negara dan juga serantau, Kerajaan Indonesia telah memaklumkan penundaan projek ini.

Tuan Lim Guan Eng: : Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memandangkan bahawa pihak kerajaan juga sama-sama ingin menundakan projek ini, sebagai langkah bersama untuk menangguhkan projek mega, adakah pihak kerajaan telah mengkaji bahawa in the first place, dengan izin, iaitu pada awal-awalnya projek ini dianggap oleh setengah-setengah pihak sebagai tidak feasible, iaitu dari segi teknik dan dari segi kosnya adalah tidak cukup untuk menampung kos perbelanjaan dan juga

dari segi tekniknya akan menghindari perjalanan kapal-kapal. Oleh sebab itu, kalau pihak kerajaan membelanjakan wang untuk membuat feasibility study, bukankah ini akan merupakan satu pembaziran kepada negara?

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti sesuatu projek besar kerajaan segala aspek akan dikaji dan didalami. Sudah pasti pelbagai kegiatan ataupun maklumat akan dikaji. Kalau sudah tidak ada viability, tidak ada keuntungan bagi pihak kerajaan, sudah pasti kerajaan tidak akan melaksanakan. Jadi, pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan projek ini akan dikaji dari masa ke semasa untuk pelaksanaan.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan jambatan dari Semenanjung Malaysia ke Sumatera, jika dan bila projek tersebut dilaksanakan, berapakah jumlah keuntungan kepada syarikat yang membina jambatan tersebut dan adakah kerajaan akan memberi pinjaman dengan kadar yang rendah?

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan bahawa perancangan projek ini pada peringkat konsepnya sahaja, belum dikira lagi untung rugi syarikat yang akan melaksanakannya.

KLIA - KESAN DARI KEJATUHAN NILAI RINGGIT

14. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pihak kerajaan sedar bahawa penundaan/kelewatan tarikh pembukaan LTAKL mengakibatkan jumlah perbezaan kos keseluruhan projek mega tersebut semakin meningkat berbanding kos asal dan dalam konteks perkaitannya dengan tekanan kenaikan inflasi dan kejatuhan nilai mata wang negara terutama ekoran tragedi krisis mata wang baru-baru ini, berapakah pula jumlah anggaran/jangkaan defisit akaun semasa negara 1997 hingga tahun 2000 akibat perkembangan itu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ataupun KLIA berada di peringkat akhir pembinaan dan dijangka siap pada akhir tahun 1997.

Walau bagaimanapun, operasi komersial lapangan terbang ini akan dimulakan dalam suku pertama tahun 1998 dan ini adalah untuk memastikan aspek-aspek keselamatan dan teknikal berada dalam keadaan yang memuaskan menjelang bermulanya operasi komersial.

Memandangkan pembinaan projek tersebut hampir siap sepenuhnya dan tidak lagi melibatkan import, kejatuhan nilai ringgit tidak akan meningkatkan kos projek ini dan oleh itu tidak menjejaskan defisit akaun semasa imbalan pembayaran, malah dari segi jangka panjang projek ini merupakan salah satu pemangkin kepada peningkatan kecekapan sektor perkhidmatan pengangkutan udara negara yang akan memberi kesan positif ke arah mengukuhkan lagi kedudukan imbalan pembayaran khususnya dan ekonomi negara amnya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Ketawa]* Bolehkah? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih banyak-banyak, Tuan Yang di-Pertua. Bila hendak balik kampung, Tuan Yang di-Pertua? Malam Jumaat ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kita ini, berapakah anggaran kos KLIA bagi fasa I dan adakah pembinaan rel kereta api daripada KLIA ke Kuala Lumpur ini akan diteruskan dan kalau tidak adakah kerajaan hendak maintain balik Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz ini sebagai domestik dan mengekalkan Lapangan Terbang KLIA ini untuk antarabangsa? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kos untuk fasa I yang ditanggung oleh KLIA sahaja ialah sebanyak RM8.3 bilion dan jalan keretapi dan segala infrastruktur yang berkaitan dengannya adalah termasuk di dalam kos itu. Jadi, kerajaan akan terus membinanya dan mengenai dengan kerajaan hendak mewujudkan lapangan terbang domestik di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz belum lagi dibuat keputusan oleh pihak kerajaan.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan cukai lapangan terbang. Apakah cukai lapangan terbang di KLIA dibandingkan dengan yang sedia ada sekarang di Lapangan Terbang di Subang?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis kerana itu belum lagi dipastikan oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Richard Riot Jaem.

Tuan Richard Riot Jaem: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan saya iaitu soalan nombor 15, saya ingin membuat satu pembetulan. Angka RM2,882 itu sepatutnya berbunyi RM2.882 juta. Terima kasih.

SRK TRIANG DI TONG NIBONG, SERIAN - TARIKH PEMBINAAN

15. **Tuan Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) bilakah tarikh sebenar SRK Triang, sebuah sekolah rendah baru yang dicadangkan dibina di kawasan Tong Nibong, Serian, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dalam mana RM2.882 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan sepertimana dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan di Dewan yang mulia ini pada 10.12.1996; akan mula dibina; dan
- (b) bilakah ianya dijangka siap dan boleh digunakan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pendidikan. Jawapan untuk (a) dan (b) Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja-kerja pengambilan tanah untuk pembinaan SRK di kawasan Tong Nibong, Serian telah pun selesai dan pada masa ini Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak sedang menjalankan kerja-kerja mengukur tapak sekolah berkenaan. Pembinaan sekolah tersebut dijangka bermula pada Jun 1998 dan dijangka siap pada Januari 2000.

INDUSTRI PEMBINAAN - PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN

16. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah kerajaan bagi menggalakkan penggunaan bahan tempatan dalam industri pembinaan memandangkan industri pembinaan adalah komponen penting dalam kepesatan ekonomi negara kita.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengenakan duti import yang tinggi ke atas bahan binaan yang diimport bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menggunakan bahan binaan yang dikeluarkan dalam negara. Contohnya duti import dikenakan ke atas batu-bata 25%, papan lapis 35%, kayu lantai 20%, jubin seramik 50%, atap seramik 30% dan kepingan kaca 30%.

Syarikat-syarikat dalam industri pembinaan tidak diberikan pengecualian cukai ke atas bahan binaan sekiranya diimport. Beberapa bahan binaan seperti simen, pasir dan besi pula dikenakan pelesenan import ataupun AP bagi memastikan pengimportan bahan tersebut hanya dilakukan sekiranya bahan yang sama tidak terdapat atau tidak dikeluarkan di dalam negara. Dengan langkah-langkah ini maka syarikat-syarikat dalam industri pembinaan sebolehnya akan cuba memperolehi bahan binaan mereka daripada sumber-sumber tempatan bagi mengurangkan kos.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam industri binaan ini terutama sekali dalam usaha kerajaan menggalakkan pembinaan rumah kos rendah, adakah kerajaan boleh mengkaji supaya cukai jualan dapat dikecualikan bagi pengusaha-pengusaha yang membina rumah kos rendah supaya rumah-rumah yang berkenaan dapat dijual kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah pada kadar harga RM25,000?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, boleh dikajikan tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa sumber pendapatan negara dari cukai jualan adalah satu sumber yang penting dan ini membolehkan kita mengurangkan cukai pendapatan pada lebih RM1.5 juta. Orang yang dahulu mendapat gaji RM2,000 ke bawah, sekarang ini tidak perlu membayar hutang lagi. Jadi, persoalan ini dapat kita imbangkan dan cadangan Yang Berhormat boleh dikaji tetapi ingin saya menyatakan di sini bahawa cukai jualan adalah satu faktor ataupun satu penyumbang yang penting di dalam pendapatan negara yang walaupun kita memansuhkan cukai pendapatan di kalangan pendapatan yang sederhana tetapi revenue negara terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.11, 17 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979 untuk membubarkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia untuk menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri kelapa sawit Malaysia; di bawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KAUNSELOR 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan amalan kaunselor dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[8 Oktober 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Kota Melaka menyambung.

3.38 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyatakan Bank Negara nampaknya telah gagal dalam tanggungjawab menyelenggarakan pasaran kewangan negara khususnya pasaran tukaran wang asing. Di sini saya ingin bertanya apakah dasar sebenarnya Bank Negara sekarang ke atas krisis mata wang asing atau krisis nilai mata wang ringgit yang dihadapi

oleh negara kita sekarang. Adakah kita akan meneruskan iaitu hand-off policy iaitu sepertimana yang diamalkan kebelakangan enam minggu ini ataupun akan menceburi ataupun campur tangan kalau keadaan dibenarkan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dengan begitu lantang sekali mengecam dan mengkritik penyangak-penyangak atau currency speculators yang beliau tuduh sebagai pihak yang menyebabkan kemerosotan nilai mata wang ringgit yang begitu teruk sekali tanpa mengambil kira sebab-sebab asas atau fundamental factors, dengan izin, ekonomi negara. Kalau begitu, saya rasa adalah perlu bahawa kita menangani ancaman ini. Kalau ancaman ini tidak ditangani dengan baik oleh Bank Negara, maka apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dianggap sebagai omong-omong kosong lebih-lebih lagi apabila gambaran yang diberikan oleh pihak antarabangsa apabila penyangak utama iaitu George Soros mencabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan satu forum terbuka di Persidangan IMF di Hong Kong. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menolak cabaran yang dikeluarkan oleh George Soros sungguhpun dicabar untuk menunjukkan bukti bahawa beliau yang menyebabkan kemerosotan nilai mata wang Ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu berkongsi pentas dengan seorang seperti George Soros kerana ini akan menaikkan imej dan kredibiliti George Soros. Akan tetapi keengganan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan disalahtafsirkan oleh pihak antarabangsa kerana mereka menganggap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan tidak mahu berkongsi pentas kerana tidak mahu menaikkan prestij atau prestasi George Soros tetapi kerana beliau tidak mempunyai bukti yang cukup dan kukuh dan saya rasa kalau gambaran ini tidak ditangkis, ini akan memberikan satu tafsiran bahawa Perdana Menteri cakap tidak serupa bikin.

Oleh sebab itu saya rasa adalah perlu untuk menjaga kredibiliti pemimpin negara kita dan bukti bahawa George Soros terlibat dalam spekulasi atau adalah penyangak utama ini mestilah ditunjukkan supaya seluruh dunia tahu bahawa George Soroslah yang bertanggungjawab, bukanlah berdasarkan keadaan ekonomi yang lembab, bukanlah berdasarkan kepada salah pengurusan ekonomi tetapi kerana permainan ataupun perdagangan yang tidak bertanggungjawab oleh George Soros. Selagi bukti ini tidak ditunjukkan, saya rasa bukan sahaja pihak antarabangsa akan mempersoalkan dakwaan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, malah orang tempatan pun akan

bertanya-tanya. Oleh sebab itu saya harap dalam aspek ini kalau pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu tunjuk bukti bahawa George Soros terlibat, sekurang-kurangnya Bank Negara sebagai penyelia utama, sebagai watch dog, sebagai apa-apalah untuk mengawalselia pasaran kewangan, mereka harus dengan izin, take up the sword, mengambil pedang untuk.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat, umum telah mengetahui bahawa George Soros telah mengambil kesempatan bukan sahaja di negara kita, sampai ke negara so called, the new emerging economies. Selalunya yang akan diserang adalah the new emerging economies, bukan di Asia sahaja. Ini sudah terbukti kalau dibaca dalam mana-mana akhbar, berita-berita dan surat khabar kewangan, memang terbukti bahawa George Soros memang itulah cara dia mendapatkan pulangan.

Kita tahu macam, bila dia attack on the British Pound, dengan izin, dunia tahu bahawa George Soros earned one billion Pound bila dia bermain against the currency of the British Pound, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kita jangan tertarik dengan tuduhan media luar ini yang cuba mempersoalkan kononnya George Soros tidak terlibat, mereka tahu, George Soros caranya untuk mendapat pulangnya, George Soros ini dia hanya perlu meletakkan satu bilion sahaja US Dollar dalam satu bank. Bila dia letak satu bilion, dia boleh dapat dua puluh bilion lagi untuk dia menggunakan wang. Kalau seseorang itu macam George Soros, dia ada satu bilion, dia letak, katalah dalam City Bank. City Bank akan beri dua puluh bilion lagi US Dollars dengan dua puluh bilion US dia boleh masuk mana-mana pasaran saham, pasaran wang mana-mana, dia boleh menjatuhkan wang itu.

Saya rasa kita jangan terpengaruh dengan akhbar-akhbar luar ini. Yang sebenar it is a fact, satu kenyataan kalaulah mereka ini yang bermain dalam pasaran wang tidak diawasi, tidak di'regulate', dengan izin, akan menjadi bencana. Ini negara kita, akan berlaku lagi di negara lain dan akan berlaku lagi akan datang. Mungkin, insya-Allah kita akan dapat selesaikan. Alhamdulillah pada hari ini pukul 2.00 tadi mata wang kita meningkat kepada RM3.09 - Alhamdulillah, kita bersyukur. Bermakna dari segi kekuatan ekonomi kita bagus dan baik, kalau tidak bagus dan baik takkanlah boleh bertambah baik

dalam masa berapa minggu? Dua minggu! Daripada RM3.48 hingga RM3.09 berapa hari? Dua minggu sahaja, tiga minggu! Bermakna we are fundamentally strong. Betullah apa yang pemimpin kita kata, yang jatuh ini mainan mereka. Saya berterima kasih kepada DAP, betul! Saya berterima kasih kepada DAP.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup ya Yang Berhormat, cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penejelasan jangan kita dengarlah kata-kata ini, yang sebenarnya beliaulah punca. Saya berterima kasih kepada sokongan DAP yang menyebabkan kita ini satu dan padu, kita selesaikan dan mata wang kita bertambah pulih. Minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang benar bahawa George Soros adalah seorang, dengan izin, speculator by excellence. Ini tidak dipertikaikan, malah beliau sendiri pun tidak menafikan bahawa beliau yang melabur, saya rasa, bukan setakat satu bilion dalam Pound tetapi lebih daripada itu, berpuluh-puluh bilion sehingga dalam satu hari beliau boleh untung satu bilion Pound dalam tahun 1992 selepas memaksa Britain mengeluarkan diri daripada European Rate Mechanism (ERM) dan pengalaman George Soros atau kepakaran George Soros shock the market adalah memang dikenali tetapi dalam perkara ringgit beliau pada pertama kali telah dengan secara terbuka menafikan bahawa beliau terlibat. Tentu pada saya apabila seorang luar negara dan seorang tempatan dan juga dengan seorang yang mempunyai latar belakang dan rekod seperti George Soros, tentu saya akan percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi yang penting sekali seperti, dengan izin, do not preach to the converted, you should not preach to the converted - janganlah bercakap kepada orang sama ada rakyat Malaysia atau orang yang telah tahu perkara ini tetapi yang paling penting ialah kepada pihak antarabangsa, yang lagi luas, di mana mereka tidak yakin ke atas dakwaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh menunjukkan bukti selepas George Soros dengan terbuka sekali menyatakan saya tidak terlibat, saya tidak jual, malah saya membeli Ringgit. Itulah dakwaan George Soros!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu kita harus menunjukkan bukti bahawa dia bercakap bohong, kalau tidak apakah tanggapan yang akan diperolehi di kalangan pihak antarabangsa. Jadi, itulah sebab saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu kenyataan, bahawa beliau harus menerima - nanti saya akan berikan, biarkan saya habis dahulu - beliau harus menerima

cabaran berdebat secara terbuka dengan George Soros tetapi mungkin kerana, seperti yang saya nyatakan tadi dia tidak mahu menaikkan prestasi George Soros, tidak mahu berkongsi pentas dengannya. Kalau inilah sebab saya mungkin boleh terima tetapi sekurang-kurangnya kita harus menghantar penyerang atau striker yang lain untuk menangkis atau menjawab George Soros dan mengeluarkan bukti bahawa dia terlibat. Selagi kita tidak dapat mengeluarkan bukti, pihak antarabangsa tidak yakin.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, biarkan saya habis dahulu. Saya ingin memberitahu Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam Internet atau majalah antarabangsa ekonomi, tidak ada sokongan terhadap idea atau hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan kerana dia datang dari dunia ketiga, tetapi kerana tidak ada bukti dikeluarkan dan ini menjadi masalah utama. Malah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengaitkan George Soros dengan Myanmar, dia bukan dengan niat sedemikian tetapi tidak disengajakan telah menyebabkan George Soros menjadi hero, menjadi pahlawan, menjadi wira untuk Aung San Suu Kyi - pemenang nobel damai untuk tahun 1995, Aung San Suu Kyi dan kita tidak boleh nafikan dalam masyarakat Barat di semua negara Barat rakyat biasa seratus peratus menyokong Aung San Suu Kyi. Mereka anggap Aung San Suu Kyi adalah penuntut, pembela demokrasi dan hak atau peluang dia untuk memerintah negara telah dinafikan dengan begitu keras, dengan begitu tidak adil dan tidak demokrasi oleh rejim SLORC di Myanmar yang tidak mahu mengakui dan menghormati keputusan pilihan raya pada tahun 1995.

Itulah sebab apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hentam George Soros, prestij George Soros di negara Barat naik, beliau sebenarnya dikecam oleh masyarakat Barat kerana menyebabkan nilai mata wang Ringgit atau nilai mata wang tempatan negara-negara Barat tertentu turun. Dia bukan ada penyokong, dia pun ada musuh di kalangan pasaran tukaran wang asing tetapi oleh kerana dalam isu ini yang tidak disokong oleh rakyat tambahan lagi sahutan untuk mengharamkan sama sekali perdagangan tukaran wang asing menjadikan George Soros di negara Barat - kita di sini lain - tetapi di negara Barat sebagai seorang hero dan ini saya rasa bukan niat kita tetapi tidak disengajakan dan ini saya rasa adalah free publicity yang tidak terhingga, yang sangat bermakna sekali kepada George Soros kerana sebelum ini dianggap sebagai unscrupulous speculator tetapi sekarang pula menjadi scrupulous, honourable and a fighter for democracy, itu yang saya sangat kesal sekali.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan sedikit. Saya berterima kasih kepada Kota Melaka, insya-Allah tidak lama lagi akan mewakili, akan mengambil alih DAP - kepimpinan akan datang.

Kita jangan terpengaruh dengan dakyah-dakyah daripada luar. *[Disampuk]* Saya minta penjelasan sedikit, adakah Yang Berhormat lupa bahawa IMF sudah keluar satu kenyataan, dia kata perlu preding dalam kewangan ini, perniagaan dalam mata wang ini diawasi, ini sudah menjadi satu kejayaan kepada kita. Pertama kali badan dunia menerima kenyataan bahawa mereka (speculators) ini seperti George Soros perlu dikawal sebab mereka ini, kalau dalam pasaran saham dia kena daftar dengan stock broker dia. Dia ini tidak perlu daftar dengan sesiapa, dia boleh beli di mana-mana, dia boleh menggunakan satu syarikat, di mana-mana syarikat nominee digunakan, tidak boleh dikesan kerana dia tidak menggunakan nama dia sendiri.

Dia menggunakan nominee, sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kita awasi supaya mereka yang hendak memasuki pasaran wang ini daftar diri mereka, kita kenal mereka. Jadi, mereka ini menggunakan nama-nama nominee, sebagai contoh saya hendak memaklumkan kepada, minta penjelasan sedikit daripada Kota Melaka, adakah Kota Melaka tahu di Itali, George Soros ini personal *non grata* sebab kerana dia, dia menjatuhkan mata wang Lira - di Itali sendiri George Soros ini tidak dibenarkan masuk - di Itali sendiri tetapi oleh kerana di Amerika ada kawan-kawan Italinya yang baik dapatlah dibenarkan masuk, yang sebenarnya di Itali sendiri tidak dibenarkan masuk. Oleh sebab itu saya minta Kota Melaka, adakah Kota Melaka sedar supaya jangan dengar dakyah-dakyah daripada media massa luar ini sebab kita amat-amat menghargai sokongan DAP dalam perkara ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tujuan kita semua ialah untuk memastikan bahawa tidak ada sebab, tidak ada ruang untuk George Soros berdolak dalik tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya kerana saya pun ada kawan di luar negara dan tanggapan mereka - ini rakyat biasa bukan kerajaan - rakyat kalau, saya rasa kalau tidak percaya Yang Berhormat pun ada kawan-kawan di negara Barat, rakyat biasa, di mana mereka anggap bahawa dalam persengketaan di antara Perdana Menteri dengan George Soros, nampaknya George Soros has got an upper hand, dengan izin. Ini rakyat biasa.

Ini saya rasa tentu kita tidak bersetuju tetapi apakah usaha untuk, dengan izin, change the wind or change the tied in our finger. Kalau kita lihat daripada tanggapan rakyat biasa orang-orang Barat, mereka lebih memihak kepada Geroge Soros.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Dan inilah yang saya rasa berpunca daripada kegagalan pihak berkenaan untuk mengeluarkan bukti bahawa George Soros ialah bertanggungjawab - nanti, saya akan beri, sekejap sahaja - dialah yang bertanggungjawab.

Oleh yang demikian, saya ingin meminta Bank Negara tunjukkan bukti supaya George Soros tidak boleh berdolak-dalik lagi, jangan berikan ruang langsung kepada dia, jangan dia menjadi hero palsu di Barat di mana sekarang dia menjadi wira palsu di Barat. Mengapa kita membenarkan keadaan seperti ini berlaku. Sila.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari Kota Melaka yang sekurang-kurangnya kita ada platform yang sama iaitu Yang Berhormat Kota Melaka mengiktiraf dia

sebagai wira palsu. Itu satu kejayaan yang paling besarlah dalam isu episod George Soros ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar atau tidak bahawasanya pada hari ini IMF telah mengarahkan ataupun telah meminta cadangan bertulis daripada pihak-pihak yang berwajib termasuk Kerajaan Malaysia sama ada kita semua ada cadangan, bererti bahawasanya IMF telah mengiktiraf, ada sepertimana yang dinyatakan oleh sahabat saya dari Rompin, mengiktiraf ada apa yang dikatakan spekulasi yang berlebihan yang saya panggil manipulasi yang menyusahkan orang lain. Pada saya kalaulah Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak pandang, to be kind to our Prime Minister, dengan izin, ini merupakan, pada saya, adalah satu kejayaan yang paling besar - pengiktirafan daripada satu badan dunia yang pada hari ini tidak nampak bahawasanya money manipulation ini berjalan dengan begitu hebat hari ini telah pun meminta agar diperbaiki perjalanannya. Saya rasa ini adalah satu kemenangan yang besar.

Yang kedua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar atau tidak bahawasanya, yang pada hemat sayalah, apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyatakan, a spade is a spade. Kita telah menyatakan a ghost is a ghost, hantu ataupun a devil is a devil walau bagaimanapun hebat kuasanya, pengaruhnya, kepandaiannya, kebijaksanaannya .menghaibkan diri dan sebagainya but a devil is still a devil dan saya rasa inilah kejayaan kita. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, we need to win the hearts and minds of the International audience kerana seperti yang saya cakap tadi, we should not preach to the converted. Sasarannya ialah dalam peringkat antarabangsa. Kita cakap globalisasi so itu ialah sasaran kita - global - dan dari segi global kita tidak berjaya, saya cakap terus teranglah, mungkin ini akan menyakit hati pihak-pihak tertentu yang anggap bahawa kita sudah menang dalam perkara ini tetapi saya rasa kita belum dan kita tidak berjaya.....

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya habis.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Sedikit sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habiskan ungkapan ini.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Saya hendak supaya Yang Berhormat memahami apa yang saya maksudkan tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat ataupun Ketua Pembangkang, katalah sepuluh Ketua Pembangkang dalam negara ASEAN ini, ada sembilan, katalah sepuluh, menyuarakan dengan begitu hebat dan ketaranya menyatakan ada manipulasi kewangan yang hebat di peringkat antarabangsa, Yang Berhormat yakin atau tidak bahawasanya IMF akan bertindak? Sekurang-kurangnya satu hamba Allah yang Yang Berhormat menyedari namanya Mahathir bin Mohamad - Perdana Menteri Malaysia, dia menyuarakan perkara ini, IMF telah mengambil tindakan. Bagi saya Yang Berhormat, ini merupakan satu kejayaan yang tidak boleh dilakukan oleh seribu orang sekalipun tetapi apabila satu suara yang bersuara mungkin kita merasakan perbezaan pendapat bahawasanya caranya tidak benar tetapi bagi sayalah, matlamat kita telah pun tercapai.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya harap usaha ini akan berjaya tetapi daripada feedback, maklum balas yang saya dapat daripada pihak-pihak tertentu nampaknya Amerika Syarikat tidak akan menyokong dan mungkin usaha ini akan menghadapi masalah tetapi itu perkara lain, usaha itu mesti dijalankan tetapi yang saya cakap tadi bahawa kita mesti, dengan izin, win the heart and mind of the International audience dan dalam perkara ini saya rasa kita agak berkurangan dalam usaha kita sehingga baik dari segi yang paling bawah sekali ataupun yang paling atas sekali mereka nampaknya tidak berapa bersetuju dengan sebab-sebab yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sehingga ada setengah pula percaya apa yang George Soros cakap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya cuba menutup masalahnya ataupun kelemahannya.

Oleh sebab itu, di sini saya hendak menyoal peranan yang dimainkan oleh Bank Negara. Mengapa Bank Negara tidak seagresif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Hanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja yang berucap, mana Gabenor Bank Negara? Saya ada.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak boleh dinafikan 'hantu' ini George Soros largely to blame for our Soros, tidak boleh dinafikan. *[Ketawa]* Masa sudah tiba untuk mengajar 'hantu' ini dan ada satu peluang, baru-baru ini di Hong Kong, George Soros ada menyuarakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu loose cannon dan a manage to his own country. Kami dapat peluang sekarang, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rela untuk membuat satu kes menghina, defamation case atas George Soros di Hong Kong jika George Soros diwajibkan untuk menjadi satu saksi, bila dia berada di dalam kandang saksi, di sana kami boleh hentam sampai dia mati. *[Ketawa]* Ada peluang sekarang, bolehkah rakan saya dari Kota Melaka bersetuju dengan cadangan yang saya buat tadi?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, itu satu cadangan yang sangat baik dan bernas sekali. *[Tepuk]* Dan di sini saya rasa Yang Berhormat dari Jelutong yang merupakan seorang peguam yang saya rasa di antara yang paling termasyhur di rantau ini pun boleh memberikan perkhidmatan, sama-sama hentam George Soros dalam kandang. *[Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh: Saya memberi jaminan di sini saya memberi bantuan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, percuma. *[Tepuk][Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap bahawa pihak back-benchers boleh mengucapkan terima kasih bagi pihak Perdana Menteri [*Ketawa*] dan di sini.....

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*]

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, nanti dulu, sekejap, sekejap ya. Dan di sini saya hanya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menyahut saranan Yang Berhormat dari Jelutong dengan memfailkan satu saman malu dengan serta-merta terhadap George Soros. Sila.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Michael Lisa Kaya: Tidak payahlah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebentar tadi Yang Berhormat ada menyentuh tentang kesan atau mungkin kesan peranan Aung San Suu Kyi di dalam keadaan ekonomi kita ini dan kalau kita kaji bila keadaan ringgit dan juga saham kita menjunam begitu mendadak, ia terjadi sebaik-baik sahaja ASEAN menerima Myanmar di dalam ASEAN. Jadi, sebelum itu memang kita terdengar pihak Eropah dan juga Amerika Syarikat menentang keras tindakan ASEAN itu dan justeru selepas itu tidak diambil hirau hampir ataupun sebenarnya kesemua ringgit dan ekonomi rantau ASEAN terjejas. Jadi, persoalan yang saya ingin tanya atau penjelasan yang ingin saya tanya daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka adakah ini satu perkara yang boleh dipandang ringan ataupun seharusnya sebelum kita membuat keputusan, membuat tinjauan terhadap tindak balas masyarakat antarabangsa sebelum kita mengambil sesuatu keputusan. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila beliau mengatakan bahawa sebab George Soros terlibat dalam usaha menurunkan nilai mata wang Ringgit adalah kerana ingin menyokong pendemokrasian Myanmar dan Aung San Suu Kyi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, George Soros is not so authoristic, he is not so authoristic, dia memasuki pasaran semata-mata untuk untung sahaja, bukan untuk nilai-nilai demokrasi tetapi mengapa pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak mengaitkan perkara ini dengan George Soros lebih-lebih lagi kalau kita cakap dari segi logik dan rasional, susah disokonglah.

Kalau ASEAN patut menerima Myanmar sebagai sebuah negara ahli ASEAN saya rasa tindakan ini sukar disokong, DAP pun tidak akan menyokong Myanmar masuk ke ASEAN kerana

Myanmar memang sebuah negara dictatorship - a tinpot dictatorship. Tetapi kalau kita hendak hentam George Soros, hentam kerana dia hendak cari untung atas kerugian kita, bukan demokrasi. Saya rasa dia tidak berminat langsung terhadap isu demokrasi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan sedikit dengan Kota Melaka. Kota Melaka mungkin terdengar dia ada satu yayasan, dia kata open society. Yayasan ini menyalurkan bantuan kepada so-called, dengan izin, badan-badan yang prodemokrasi di Burma. Mungkin inilah pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Melalui yayasan ini dia menyalurkan walhal dalam badan open society pun ada pekerja-pekerja yang datang dari Myanmar. Saya ingat kaitan itu tidak boleh dikatakan tidak ada. Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada kaitannya dengan maklumat yang didapati tentang Myanmar melalui badan open society yang dia menyalur itu dia mengambil kesempatan untuk memarahi kita dengan menggunakan pasaran wang. Apa salahnya? Ini saya kata satu kaitan yang tidak boleh dikatakan tidak ada, oleh itu dalam perkara ini saya tidak bersetujulah dengan Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa George Soros, dengan izin, is too good a speculator to be influence by personal emosion and sentiment. Kalau dia boleh dipengaruhi oleh sentiment seperti ini saya rasa dia tidak akan berada di dalam tahap dan kedudukan seperti dia sekarang. Tentu dia ada satu foundation yang dikatakan open society foundation tetapi kalau kita lihat dari segi rekodnya, dia tidak pernah membuat pelaburan berdasarkan sentimen. Oleh seorang speculator part-excellence seperti ini you must be cool, calculating, you must be very very profesional. Saya tidak setuju, saya tidak mahu - Ini kita dua-dua punya pandangan, yang ketawa hanya George Soros sahaja.

Saya rasa kita tidak payah berdebat tentang perkara inilah tetapi itu pandangan saya dan di sini saya rasa kalau dalam aspek Myanmar, saya memang tidak bersetuju Myanmar dimasukkan ke ASEAN, itu pandangan saya, oleh kerana ia bukan sebuah negara demokrasi dan saya rasa adalah tidak tepat, tidak berapa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kaitkan perkara ini dengan Myanmar kerana menjadikan George Soros seorang wira palsu.

Tetapi yang saya hendak balik kepada persoalan tadi sebelum diganggu oleh kawan baik Yang Berhormat dari Rompin iaitu di mananya Bank Negara? Mengapa Bank Negara diam, sunyi, membisu seribu sebab? Saya tidak tahu, satu sebab pun saya tidak tahulah, tentu ada seribu sebab. Apa sebabnya mereka boleh membisu seribu sebab. Apa sebabnya? Saya hendak tahu satu sahaja, apabila Perdana Menteri begitu lantang hentam, Bank Negara diam sahaja. Saya ada tengok panggung wayang yang saya rasa sangat menarik hati dan sangat bagus iaitu Man In Black (MIB) - defending the earth from the scum of the universe. Mana itu M.I.B. - Man In Bank Negara? Defending Malaysia from the currency speculators. Mana MIB Malaysia? Mana Man in Bank Negara Malaysia? Itu yang saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua kerana hanya satu orang, Perdana Menteri sahaja, so MIB Bank Negara tidak ada, missing in action adalah! Missing in action ada. Mengapa mereka tidak memperjuangkan, berikan bukti bahawa George Soros terlibat.

Sebagai contohnya, buat follow up apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh buat untuk membuktikan bahawa penyangak-penyangak inilah yang terlibat dan ini saya hendak mempersoalkan mengapa dalam tempoh masa ini MIB Malaysia ini boleh hilang? Ke mana mereka pergi? Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh sampaikan kepada pegawai-pegawai Bank Negara, jawabkan soalan ini dan pada masa yang sama saya juga ingin bertanyakan.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Rompin bangun lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan bahasa Kota Melaka. Baru-baru ini diumumkan Setiausaha Agong hendak meletakkan jawatan, ini boleh ambil alih tetapi Jelutong tolong jangan kacau sudahlah, jangan kacau, saya ingat dia boleh....

Tuan Lim Guan Eng: Saya, yang ini saya tidak akan beri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya puji. Saya tidak kata Yang Berhormat tidak layak mengambil alih ya. *[Ketawa]* Saya bukan mengata ya. Memuji!

Sebelum itu, penjelasan. Saya tertarik dengan Jelutong. Saya ingat wajar berterima kasih kepada Jelutong di atas sokongan. Terima kasih tetapi saya hendak - Kota Melaka ini macam rosak sedikit ini. Hendak marah kepada Bank Negara ini. Ada hutang yang Bank Negara arah suruh kutipkah ataupun ada bank yang suruh dia call-upkah, saya rasa kita spare themlah. Dia ini pegawai kerajaan,

cukup Menteri Kewangan sudah beri kenyataan di Hong Kong, saya rasa tidak payah lagi kita bawa. I think they have done a good job, dengan izinlah. Mungkin Yang Berhormat kalau berjumpa dengan mereka secara, off the record, saya ingat mungkin mereka boleh minum teh dan kopi pun boleh, tingkat berapa itu yang tinggi sekali itu kan? I'm sure Bank Negara boleh jemput.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi saya rasa kita ketepikanlah isu pegawai kita ini yang membuat kerja dengan baik. Saya minta Kota Melaka pergi kepada isu yang lebih semasalah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa soalan Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Adakah Kota Melaka sedar mereka ini yang sebenarnya menjalankan tugas yang baik. Kita pergi kepada topik yang lainlah saya harap.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa hutang kepada Bank Negara dan saya tidak mahu bodek Bank Negara. Saya hanya cakap dengan terus terang. Saya rasa pembelaan Yang Berhormat nanti saya rasa ini akan melicinkan usaha Yang Berhormat dalam urusan Yang Berhormatlah, apabila perlukan kelulusan Bank Negara. Saya faham, saya faham.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak tanya, on record, adakah Bank Negara terima saya memohon lesen bank atau tidak? *[Mengarahkan pandangan dan mengangkat tangan ke arah pegawai-pegawai dari Bank Negara]* Tidak ada ya? Ada? Ada yang jaga bank?

Tuan Lim Guan Eng: Mana mereka boleh jawab. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab apa, ini dia tulis ini. Rakyat kawasan saya kata apa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betul, penjelasan saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cuma boleh kemukakan soalan kepada Kota Melaka, bukannya kepada pegawai.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itulah Speaker, tidak apa. Saya hendak tanya tadi adakah Yang Berhormat sedar bahawa saya tidak ada memohon apa-apa lesen bank ataupun lesen insurans pun tidak ada. Saya minta kita spare them, dengan izin.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan Bank Negara - kelulusan atau kuasa Bank Negara bukan setakat memberikan kelulusan lesen bank atau insurans. Mereka tidak ada kuasa untuk mengeluarkan lesen bank dan insurans. Itu kuasa Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya hairanlah, Yang Berhormat yang begitu pintar ini terlupa fakta yang begitu asas ini tetapi mereka pun ada banyak kuasa dan saya rasa yang beri kuasa banyak-banyak keselesaan, banyak-banyak convenience boleh diberikan, saya faham. Itu saya rasa kepintaran Yang Berhormat dan itu terpulang kepada Yang Berhormat tetapi saya mesti bercakap dengan terus terang untuk menunaikan tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat dan di sini, kalau Bank Negara tidak berlaku baik, saya mempunyai tugas untuk menyuarakannya dan di sini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, bahawa nampaknya Bank Negara tidak begitu bersungguh-sungguh dan gigih dalam perkara mempertahankan nilai mata wang Ringgit sepertimana yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya harap jawapan boleh diberikan, mana, mana, mana Bank Negara pada tempoh yang begitu kritikal sekali? Apakah dasar Bank Negara dalam aspek ini? Di sini saya ingin mencadangkan adakah kita hanya tengok pasaran menentukan nilai mata wang ringgit sahaja tanpa bercampur dalam pasaran tukaran wang asing? Macam mana kita boleh reconcile, dengan izin, dasar sekarang dengan dasar sebelum ini di mana apabila turun sedikit kepada RM2.60 sudah campur hampir RM9 bilion, tetapi apabila turun sampai RM3.40 tidak ada rasa langsung.

Saya tahu bahawa kadangkala kita perlu tidak komitkan segala rizab asing kita tetapi sekurang-kurangnya kita mesti tahu tahap, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara must draw the line at the minimum value ataupun the minimum level of the Ringgit. Tentu saya tidak akan meminta Bank Negara menyatakan had atau limit nilai mata wang Ringgit tetapi sekurang-kurangnya mereka mesti bersedia perang. Apakah gunanya rizab wang asing kalau tidak digunakan untuk mempertahankan nilai mata wang Ringgit apabila masanya perlu, bukan dengan sesuka hati.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Datuk Dr. Kamal bin Salleh: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, nanti saya akan beri. Apakah gunanya? Kita mesti, dengan izin, draw the line, apakah tahap itu akan ditentukan oleh pakar-pakar tetapi kita sekurang-kurangnya mesti ada satu dasar apabila dia turun mungkin RM3.60 atau RM4.00 kita komitkan sebahagian rizab asing untuk perang dengan penyangak-penyangak ini. Kalau tidak hanya kata-kata sahaja tanpa tindakan, kata-kata sahaja tidak akan menyelamatkan ringgit kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri siapa?

Tuan Lim Guan Eng: Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan Kota Melaka. Saya bersetuju. Itu adalah satu saranan yang baik, kalau dapat kita letakkan satu garisan, dengan izin, beyond which will not allow currency kita turun, tetapi adakah Yang Berhormat Kota Melaka sedar, seseorang itu hanya perlu meletakkan RM1 bilion sahaja, dia boleh pinjam US\$20 bilion. Kalau dia letak dalam Bank of New York, City Bank, US\$4 bilion, dia boleh dapat US\$80 bilion resources untuk membeli atau menjual mata wang kita. Kalaulah Bank Negara berhadapan dengan keadaan begini, apa juga garisan yang hendak diletak mereka akan tembusi garisan ini dan saya juga nampak bahawa memang Bank Negara setiap mana bank, Central Bank tidak mahu mempertahankan currencynya tetapi mereka mesti melihat juga dari segi tanggungjawab nasionalnya. Rizab kita yang juga lebih penting daripada usahanya menahan currency kita sahaja. Saya rasa mereka ini mencuba, Kota Melaka saya minta pandangan Kota Melaka, adakah resources yang ada ini patut kita hanya cagar ataupun kita gamble. Dulu Kota Melaka sendiri sudah bawa isu ini bila mereka menggunakan rizab mereka untuk mempertahankan currency. Saya rasa nasihat Yang Berhormat baik tetapi ada juga pertimbangan-pertimbangan lain yang juga perlu diambil. Mungkin garisan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat mungkin tidak dapat dicapai dengan keadaan speculators yang betul-betul menumpu kepada negara kita. Adakah Yang Berhormat sedar tentang perkara ini?

Tuan Lim Guan Eng: Dulu Bank Negara berdagang dalam currency bukan untuk mempertahankan Ringgit tetapi untuk judi. Judi dalam British Pound, ha itulah sama-sama dengan Bank of England kalah kepada George Soros.

Yang Berhormat sedarkah, masa itulah apabila Bank Negara rugi hampir.....

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya akan beri Wangsa Maju. Biarkan saya habiskan hujah ini. Rugi dalam tahun 1992 kerana melabur atau berdagang dalam currency. Itu bukan mempertahankan nilai mata wang Ringgit, itu judi! Saya sekarang cakap tentang mempertahankan nilai mata wang Ringgit. Menggunakan rizab asing bukan untuk judi seperti yang pernah diamalkan oleh Bank Negara tetapi untuk mempertahankan nilai mata wang Ringgit.

Di sini saya bukan menyatakan bahawa mereka mesti komit semua. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat sedar dalam pasaran tukaran wang asing, hanya perlukan, dengan izin, a leverage factor, , of five percents iaitu kalau you ada - kalau seseorang speculator ada RM1 bilion, dia boleh dagang sampai RM20 bilion - 5%. Itu satu jumlah yang sangat besar berbanding dengan George Soros dia tentu ada kuasa yang besar tetapi Malaysia bukan defenceless, kita boleh berganding bahu dengan negara-negara yang lain seperti Sultan Brunei. Saya rasa saya tidak payah ajar macam mana perkara ini boleh dibuat, kalau kena ajar ini, saya rasa tidak layak Bank Negara jadi Bank Negaralah. Itulah sebab kalau kita hendak gunakan rizab asing, bukan digunakan untuk judi seperti kita judi di pertukaran wang asing di England. Judi dengan Pound, dengan European exchange rate kita rugi RM10 bilion sampai RM30 bilion. Sekarang yang lain.....

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Wangsa Maju bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Kota Melaka. *[Yang Berhormat dari Rompin keluar meninggalkan Dewan].*

Tuan Lim Guan Eng: Rompin larilah.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Bercakap memang senang dan banyak yang boleh dihujahkan oleh pembangkang kerana ini adalah tugas pembangkang tetapi kita harus faham dalam keadaan-keadaan tertentu termasuk peranan Bank Negara, dia tidak boleh cakap banyak-banyak. Satu sahaja hendak minta penjelasan iaitu apabila kita meletakkan dan mengumumkan bahawa kita ada taraf di mana nilai Ringgit kita, kita hendak pertahankan, katakanlah RM3.1kah, RM3.2 atau RM2.8, ini akan menjadi satu signal kepada orang-orang seperti George Soros dan dia tahu bahawa kalau Bank Negara akan intervene, maka itu lagi dia akan attack, dia tahu kalau dia attack ke bawah iaitu below RM2.8 maka Bank Negara akan mempertahankan - membelanjakan wang.

Kadang-kadang kita biar dia float, kita melihat sejauh mana dia boleh pergi sebab market process akan juga ada adjustmentnya. Jadi, saya rasa soal melaung-laung ini tidak perlu dan jangan kita hentam sangat kepada Bank Negara ini, semua yang ditanya itu Yang Berhormat sendiri mungkin tidak tahu apa yang mereka lakukan. Biar Menteri Kewangan jawab. Bagaimanapun jangan kita hentam melulu sahaja, kadang-kadang kita pun banyak salah fakta. Tadi saya dengar Kota Melaka mengatakan George Soros untung satu bilion Pound dalam satu hari, sebenarnya tidak dalam satu hari, dia dua minggu, ini tertulis dia untung tahun 1992. Jadi, kadang-kadang sebab seronok sangat bercakap begitu ghairah, lantang kita berhujah kadang-kadang kita lari daripada fakta sebenarnya. Jadi, dalam soal Bank Negara ini, kita juga perlu berhati-hati. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tersalah fakta. Saya boleh tunjukkan Majalah *Times* yang menyatakan bahawa George Soros bukan untung satu bilion dalam sehari malah lebih singkat, one afternoon, one afternoon, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua saya tidak menyatakan bahawa Bank Negara mesti, dengan izin, abandoned polisi apung atau float, allowing the currency to float. Saya tidak menyatakan demikian. Saya hanya menyatakan bahawa Bank Negara patut ada satu tahap yang tidak boleh diumumkan - tentu tidak boleh diumumkan kalau diumumkan apa dasar itu lagi? Tetapi satu tahap yang tidak boleh diumumkan supaya kita draw the line, kita akan mempertahankan nilai mata wang Ringgit sekurang-kurangnya rizab asing digunakan untuk mempertahankan nilai mata wang Ringgit, itulah cadangan saya tetapi tidak diumumkan.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Adakah Kota Melaka sedar bahawa mungkin Bank Negara ada intervene tetapi membuat keputusan tidak mahu meneruskannya?

Tuan Lim Guan Eng: Itulah saya hendak dapat jawapan di sini. Kita mesti ada akauntabiliti. Kita mesti ada akauntabiliti mengapakah pengurusan Bank Negara sedemikian sehingga menjunam daripada RM2.50 sampai RM3.40. Apa kerja yang Bank Negara buat ini? Itulah saya hendak dapat jawapan daripada pihak kerajaan kerana penurunan nilai mata wang Ringgit telah membawa kesusahan yang besar kepada rakyat. Contohnya, semalam saya ada tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

tentang MAS. MAS mempunyai masalah besar, itu sebab Tan Sri Tajuddin Ramli memberikan cadangan ini. Mengapa tidak berikan sebelumnya, hanya sekarang? Sebabnya sungguhpun mungkin dia berbesar hati tetapi sebabnya kalau kita lihat basic figures dari segi operating expenditure lebih 40% adalah denominated in US Dollar. Revenue hanya 14% sahaja dengan penurunan nilai mata wang Ringgit kita menghadapi masalah yang sangat besar, sungguhpun ianya juga memberikan peluang yang baik atau peluang yang besar kepada MAS kerana dari segi harga tiket kapal terbangnya akan lebih murah. Ini saja peluang dari segi faktor positif, malangnya kita ada krisis jerebu. Macam mana kita boleh menarik pelancong ke Malaysia dengan harga tiket yang rendah dalam krisis jerebu ini? So dengan izin, MAS is sandwich between two evils. Nilai mata wang Ringgit yang rendah dan krisis jerebu. Sandwich, sandwich can choked, you can choked to death even kalau tidak berhati-hati, so these are forces, dengan izin, yang sangat kuat sekali yang harus diambil kira oleh pihak kerajaan. Itulah sebabnya saya hendak mendapat akauntabiliti peranan yang dimainkan oleh Bank Negara dalam krisis ini dalam.....

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Kota Melaka. Adakah Yang Berhormat Kota Melaka sedar bahawa satu akhbar *Nanyang Siang Pau*, Timbalan Perdana Menteri Singapura- Lee Shien Long - ada berkata bahawa kerana ada satu team pegawai termasuk pemimpin-pemimpin Kerajaan Singapura dan juga Central Bank of Singapore, maka mereka dapat dikecualikan dari krisis kewangan di South East Asia ini?

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu saya rasa itu satu pandangan yang baik daripada Yang Berhormat dari Bagan. Mungkin kita harus meminta bantuan daripada pakar-pakar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin meminta bahawa kita hendak dapat akauntabiliti oleh Bank Negara. Kita tidak boleh berselindung dalam obscurantism yang diamalkan sehingga sekarang. Kalau kita lihat pengalaman Thailand, ekoran penurunan nilai mata wang Baht yang begitu teruk sekali akhirnya memaksa Gabenor Bank of Thailand meletak jawatan. Adakah Gabenor Bank Negara bersedia berbuat demikian. Kalau tidak saya harap sekurang-kurangnya beliau berikanlah akauntabiliti. Sejauh manakah peranannya menangani krisis ini kerana saya tidak lihat langsung peranan yang dimainkan oleh pihak Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua saya memang tahu bahawa pegawai-pegawai Bank Negara bekerja kuat tetapi semua usaha ini tidak akan berhasil kalau kita tidak ada satu sistem pengurusan atau sistem

akauntabiliti atau satu sistem yang telus yang berpandukan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan. Saya amat terkejut apabila Bank Negara mengalami kerugian lebih RM10 bilion sampai RM15 bilion dalam pasaran tukaran wang asing bila diumumkan oleh Gabenor Bank Negara bahawa seseorang pedagang atau trader tidak mempunyai limit untuk 'commit'kan Bank Negara. Hanya selepas krisis ini baru ada limit, itu bermakna bahawa kalau dia hendak 'commit' 20 bilion pun tidak ada masalah, itu saya rasa sesuatu yang amat mengejutkan sekali dalam era yang begitu moden dan canggih ini. Ini hanya tiga tahun lepas, so adakah masalah yang sedemikian di mana berlakunya, saya tidak tahulah, mungkin adakah sistem dalam Bank Negara sudah jumud? Adalah sistem dalam Bank Negara sudah jumud? Ini yang saya hendak bertanya, kalau tidak kenapa krisis ini boleh berpanjangan dengan begitu teruk sekali sungguhpun dari segi fundamental kita dianggap lebih baik daripada negara Thailand dan negara-negara lain.

Saya harap bahawa semua soalan ini bolehlah diberikan jawapan. Saya telah berucap dengan panjang lebar dan Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun ingin berucap. Saya rasa dia hendak berikan pandangan sedikit tentang krisis ini di mana orang-orang kampung menghadapi kesusahan dan oleh sebab itu saya harap bahawa perkara-perkara yang saya bangkit boleh mendapat jawapan kerana ini adalah perkara penting - krisis yang paling teruk sekali dalam negara kita di mana tidak pernah berlaku - historic low RM3.40 - yang kita lihat kesan secara langsung ialah mereka yang menghantarkan anak-anak ke luar negara. Habislah! Habis! Seorang penjaja dia cakap "Saya kena belanja RM20,000 tahun lepas, sekarang kena belanja RM30,000. Macam mana saya hendak mencari tambahan RM10,000 ini?". Itulah masalah yang akan dihadapi oleh rakyat dan saya harap bahawa jaminan akan diberikan - saya tidak mahu dengar saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ataupun Perdana Menteri, currency will stabilise soon and the ringgit will recover. Ini sudah dengar dua bulan tetapi tidak stabilise, tidak recover terus jatuh! Hari ini naik sedikit tetapi tidak ada jaminan ia akan pulih dengan sebenarnya.

Oleh itu, saya harap bahawa kalau cakap akan stabilise, akan pulih, benar-benar stabilise dan pulih. Bukan terus jatuh dan jatuh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.30 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Segambut dan Kota Melaka serta beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah bantu saya untuk menjelaskan dan menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar Bank Negara Malaysia dalam pertukaran mata wang asing, jelas sahaja. Pendirian dasar Bank Negara Malaysia dalam membenarkan kuasa-kuasa pasaran menentukan kadar pertukaran adalah tidak berubah, seperti dahulu iaitu kita membenarkan duit ini ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran iaitu sama ada bekalan ataupun permintaan atau unsur spekulatif dan baru-baru ini unsur manipulatif. Ini adalah kuasa-kuasa pasaran itu. Ini akan menentukan kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia.

Bank Negara Malaysia percaya usaha-usaha untuk mempertahankan kadar mata wang Ringgit Malaysia akan menjadi sia-sia sahaja kerana jumlah nilai mata wang yang terlibat itu adalah terlalu besar untuk ditanggung oleh sesiapa pun. Seperti yang sedia maklum, turun naik tahap rizab baru-baru ini hanya mencerminkan terutamanya turun naik tahap pergerakan modal jangka pendek dan rizab sebanyak RM61.9 bilion pada akhir bulan September tahun ini menggambarkan satu peningkatan yang baik sejak tahun 1990 yang pada masa itu hanya berada di tahap RM27 bilion sahaja.

Jadi, saya percaya kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka hanya menunjukan criticism terhadap Bank Negara Malaysia adalah tidak begitu betul sekali, kerana kalau meninjau keadaan sistem perbankan yang terdapat di Malaysia ini adalah amat kukuh sekali. Kalau tidak, berbanding dengan Thailand.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dato' Wong See Wah: Biar saya habiskan dahulu, nanti sekejap. Kalau tidak, kalau kita membandingkan perkara ini dengan sistem perbankan di Thailand boleh jelas sekali iaitu pada masa kecemasan, masa serangan yang berlaku baru-baru ini jelas dilihat iaitu sistem perbankan yang terdapat di Malaysia ini begitu kukuh sekali walaupun terdapat satu dua peristiwa, ada juga yang mengeluarkan duit daripada satu syarikat finance, ada juga yang ternampak khabar-khabar angin terhadap satu dua bank. Tetapi yang kita nampak keyakinan yang diberikan oleh rakyat dan pelabur adalah begitu kukuh sekali. Sistem perbankan yang terdapat di negara ini bukanlah datang semata-mata sahaja, tetapi ini

dalam keadaan kukuh yang dapat kita menghadapi cabaran yang begitu mendesak sekali oleh kerana kita mempunyai satu sistem yang baik, yang sentiasa dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sungguhpun beliau menyatakan bahawa kalau kita lihat daripada beberapa tahun yang lepas rizab asing ada naik. Tetapi bolehkah Yang Berhormat menjelaskan, dalam dua minggu selepas 30 Jun, mengapa dia boleh turun sehingga RM9 bilion, apakah sebab? Dua minggu turun RM9 bilion, oh, this is fantastic expenditure. Ini lagi hebat daripada Sultan Brunei. Dua minggu turun RM9 bilion, apakah sebabnya?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, apa tujuan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak sebutkan RM9 bilion yang kita nampak dari perubahan itu semata-mata hendak memburukkan iaitu menganggapkan Bank Negara Malaysia telah menggunakan duit itu untuk mempertahankan nilai atau kadar pertukaran Ringgit Malaysia dan kita sudah rugi semata-mata semua sekali sudah jahanam. Sebenarnya tidak, kalau Bank Negara Malaysia memang telah menceburkan diri dalam perkara ini, ini mungkin hanya terdapat kerugian pun selisih antara pokok dengan kadar baru sahaja. Katalah kadar baru berbeza dengan kadar pokok itu adalah 10 sen sahaja. Kalau dibandingkan 10 sen dengan margin asas RM2.50, ia merupakan lebih kurang 10 sen. 10 sen bahagi RM2.50 merupakan hanya 4% sahaja. Ini bermakna kali RM9 bilion, hanya RM300 bilion sahaja. Jadi berbanding dengan RM9 bilion itu adalah satu angka yang tidak begitu membimbangkan kita. Jadi haraplah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidaklah membesar-besarkan dan memburukkan nama Bank Negara Malaysia dengan memutarbelitkan angka ini.

Saya memang sangat sukacita kerana Ahli Yang Berhormat itu menggunakan angka dan kalau kita kira angka itu dengan betul-betul, dengan fikiran yang waras, tentulah kita telah membuktikan anggapan Ahli Yang Berhormat itu adalah salah dan tidak tepat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam dua minggu, 30 Jun hingga Julai, turun RM9 bilion tetapi selepas ini kekal RM61.8 bilion. Saya amat terkejut bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ia bukanlah sesuatu yang membimbangkan. Saya tidak boleh bersetuju dengan kenyataan seperti ini. Ia amat membimbangkan. Mengapa dua minggu boleh turun RM9 bilion, tetapi selepas ini iaitu akhir Julai sehingga sekarang, masih kekal RM61.8. Itu saya harap boleh dapat jawapan.

Dato' Wong See Wah: Senang sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah semata-mata ditentukan oleh daya ataupun kuasa-kuasa dalam pasaran, termasuk juga ini adalah disebabkan kerana terdapat pendapatan yang diperolehi dari pelaburan dalam sekuriti dan juga deposit asing serta pergerakan perdagangan yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Kalau dia hendak naik, naiklah. Kalau dia hendak turun, turunlah, apa kita boleh buat. Mengapa begitu degil? *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan degil tetapi saya hendak dapat kebenaran. Kalau kita cakap tentang kuasa pasaran, mata wang Ringgit dalam pertengahan Julai saya rasa lebih tinggi daripada sekarang, tetapi rizab asing kekal, masa itu dia boleh turun RM9 bilion. Kalau kita cakap tentang pendapatan, adakah kita kurang pendapatan sampai RM9 bilion? Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia memang ada campur tangan semasa kita menghadapi kecemasan dalam pertukaran kadar mata wang asing turun naik yang di luar jangkaan, iaitu dari segi menggunakan garis panduan ataupun menggunakan peraturan-peraturan tertentu seperti yang memang telah dilakukan dalam tahun 1994 terdapat banyak pelaburan jangka masa pendek di mana telah mengganggu pasaran saham kita dan Bank Negara Malaysia telah menggunakan peraturan untuk menahankan supaya wang seperti ini tidaklah disimpan di dalam negara untuk mengganggu kestabilan saham kita. Begitu juga pada kali ini Bank Negara Malaysia telah mengambil keputusan supaya tidak campur tangan dan membenarkan Ringgit Malaysia diapungkan di dalam pasaran. Ini bukankah satu dasar, satu keputusan yang penting yang diambil oleh Bank Negara Malaysia? Mengapa dikatakan Bank Negara Malaysia diam-diam sahaja dan tidak membuat apa-apa?

Tuan Lim Guan Eng: Saya ucapkan terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengakui bahawa akibat Bank Negara campur tangan dalam pasaran tukaran wang asing, rizab asing kita telah turun. Ini adalah sesuatu yang kita hendak. Itu jawapan yang rakyat tahu mengapa rizab asing boleh turun dengan RM9 bilion dalam tempoh masa dua minggu, tetapi selepas itu kekal. Tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mempertahankan Bank Negara, saya rasa itu memang tanggungjawabnya, tetapi di sini saya harap beliau sedar tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat tentang krisis ini dan rasa tidak puas hati terhadap peranan yang dimainkan oleh Bank Negara.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cakap begitu tetapi kalau Yang Berhormat hendak cakap begitu, biarlah.

Yang kedua, sebenarnya apakah yang kita buat itu yang penting sekali dalam keadaan begini, iaitu kita perlu seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita jangan panik dan kita perlu berdisiplin. Janganlah seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak berdisiplin, degil sahaja, hendak putar sini, putar sana, tukarkan angka, nombor yang betul pun ditukarkan dan dibesar-besarkan.

Bank Negara Malaysia antara.....

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Mana saya ada cakap angka-angka itu saya ada putarbelitkan? Saya tidak putarbelitkan angka RM9 bilion.

Dato' Wong See Wah: Yalah, RM9 bilion itu hendak dibesar-besarkan seperti RM9 bilion itu sudah habis.....

Tuan Lim Guan Eng: Lain dengan putarbelitkan. Saya tidak putarbelitkan RM9 bilion. Itu angka betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Yang Berhormat boleh tarik balik, saya tidak putarbelitkan. Itu angka tepat. Kalau itu salah, saya akan tarik balik. Kalau itu bukan RM9 bilion, saya akan tarik balik.

Dato' Wong See Wah: Tetapi maksud Yang Berhormat itu ialah RM9 bilion itu sudah habis, tidak ada lagi sebenarnya. Kalau ada juga, hanya selisih kadar sahaja yang rugi.

Tuan Lim Guan Eng: Yang pertama, saya tidak ada putarbelitkan. Betulkah? Betul ya. RM9 bilion itu betul. Ada turun? Kalau ada turun, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh cakap apakah sebab penurunannya, kerana sekarang Yang Berhormat tidak mahu. Tadi ada akui bahawa kerana ada campur tangan dalam pasaran tukaran wang asing, selepas ini tidak ada.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jalankan tugas saya, tidak beri jalan lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Ah, sekarang tidak mahu beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akurlah, apa boleh buat.

[Y.B. Tuan Lim Guan Eng meninggalkan Dewan]

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, Bank Negara Malaysia memang telah mengehadakan urus niaga swop

sebanyak RM2 juta ke atas urus niaga yang tidak berkaitan dengan perdagangan di antara bank-bank tempatan dengan pelanggan-pelanggan asing. Ini adalah bertujuan untuk mengehendkan pembiayaan Ringgit kepada para spekulator. Usaha telah diambil untuk memastikan kadar faedah yang stabil untuk mencerminkan keadaan pasaran tempatan yang sebenar dan kadar yang stabil ini akan dapat memulihkan sentimen di pasaran ekuiti. Ini adalah antara semua yang telah dikatakan.

Sukacita juga saya mengatakan oleh kerana ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bagan mengenai Dollar Singapura, seperti yang hendak menggambarkan Singapura pun terkecuali daripada ancaman krisis mata wang kali ini. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut sumber yang saya perolehi itu daripada exchange rate quoted refer to New York closing rate, pada 7 Oktober, Singapore Dollar berbanding dengan United States Dollar adalah sudah turun sebanyak — 10.4%. Jadi, ini adalah menunjukkan Singapura pun tidak terkecuali juga daripada ancaman ini. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Bagan suka dipengaruhi oleh pemimpin dari luar negeri itu, terimalah sahaja.

Saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini, daripada episod kali ini, semua negeri di rantau ini tidak terkecuali, termasuk juga Deutchmark, Japanese Yen, Pound Sterling, Ringgit Malaysia, Thai Baht, Philipine, Indonesia Rupiah dan Singapore Dollar, dan tidak satu pun yang terkecuali daripada.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Wong See Wah: Tidak payahlah. Yang Berhormat tadi tidak ada. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya dengar, bukan tidak ada, dengar semua hujah daripada Yang Berhormat tadi, sebab itu saya masuk.

Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak menyusahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini hendak tolong juga. Cuma saya hendak tahu sekiranya rizab Malaysia meningkat kepada misalnya ASS\$200 bilion, adakah kemungkinan serangan yang dibuat oleh pihak pembiaya kewangan antarabangsa tidak akan begitu teruk sepertimana yang dialami sekarang turun 24.4%. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita boleh capai untuk rizab lebih ASS\$200 bilion misalnya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah akui bahawa ekonomi dan pasaran Malaysia ini memang tidak merdeka. Walaupun kita telah merdeka, tetapi ini merupakan satu pasaran dan ekonomi yang masih membangun dan tidak terkecuali daripada buli yang akan

dilaksanakan terhadap kita. Oleh kerana telah digunakan George Soros, kalau George Soros katalah hendak dalam masa dia mempunyai keupayaan hendak memanggil hedge fund dalam satu jam, itu lebih kurang AS\$180 bilion. Pada satu ketika kalau kita kira pasaran nilai yang terdapat dalam syarikat-syarikat yang terdapat dalam saham BSKL kita ini, saya telah kira pada hari Jumaat iaitu RM512 bilion. Jadi, kalau AS\$180 bilion kali 3 (katalah RM3), iaitu RM540 bilion. Jadi dalam masa satu jam sahaja George Soros ini dapat membeli semua sekali saham yang terdapat di dalam pasaran BSKL kita. Ini merupakan secara theoretical sahaja, tidak payah kita banyak hendak bahaskan, saya cuma hendak tunjukkan kepada Dewan yang mulia ini, oleh kerana kita merupakan satu ekonomi yang masih kecil dan memang terserah kepada mercy di dalam pasaran yang terdapat pada hari ini, kalau kita mencari alasan hendak memburuk-burukkan kita sendiri, itu terserah kepada pihak pembangkang, tetapi hendaklah seperti apa yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, sistem seperti ini memang mempunyai kelemahan. Sistem pasaran pertukaran wang asing ini perlulah diawasi oleh satu badan. Dengan cara dan taktik yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat ini dan telah mendapat perhatian dari pihak IMF, WHO dan World Bank, oleh kerana jawapan konkrit dan usaha konkrit telah timbul dan telah dapat dicari.

Kami amat sukacita kerana perasaan kita telah didengar oleh pihak yang ada kaitan walaupun.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Wong See Wah: Nantilah, biar saya habiskan dahulu. Walaupun seperti yang dikatakan tadi iaitu the global audience mungkin tidak berapa suka dengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, tetapi kalau kita telah capai hasrat kita supaya dapat kita memperbetulkan ketidakadilan yang terdapat dalam sistem ini dan usaha diambil untuk memperbetulkan sistem seperti ini yang berat sebelah kepada yang kaya dan yang tidak begitu baik untuk negeri-negeri yang miskin, pasaran yang lemah ataupun kecil, ini saya percaya adalah satu kejayaan bagi negara Malaysia. Mengapa kita hendak memburuk-burukkan pihak Malaysia, mengapa pula memburuk-burukkan Bank Negara Malaysia. Saya rasa soal itu tidak timbul sekali.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebelum berlaku dengan dahsyat pada mulanya bila nama George Soros disebutkan, dua tiga hari selepas itu saya pernah berucap di Dewan yang mulia

ini di mana saya ada menekankan bahawa kita mesti, saya pun tidak tahu sama ada ini satu korporat yang besar bukan sahaja George Soros sahaja tetapi satu kumpulan yang besar pembiaya kewangan antarabangsa yang besar, cuma mungkin George Soros sebagai satu nama disebutkan sahaja, itu saya tidak kira.

Cuma saya kira, saya ada sebutkan bahawa terdapat kelemahan-kelemahan dalam ekonomi kita kerana mungkin ada complacency sedikit dalam lapan tahun ini dan ada kelemahan, termasuk rizab kita pun tidak cukup tinggi walaupun berbanding dengan negara yang lain, bukan Singapura, tinggi sedikit, tetapi rizab kita tidak cukup tinggi dan kelemahan-kelemahan wujud, banyak kelemahan. Saya tidak akan sebutkan di sini, cuma dengan kepercayaan yang diberi oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, untuk meneruskan usaha mengadakan peraturan dalam perdagangan mata wang. Dengan cadangan untuk mengadakan satu bursa khas untuk perniagaan mata wang ini, bolehkah kita mengelakkan serangan seperti yang dilakukan beberapa bulan ini? Bolehkah kita mengelakkan hanya mengadakan satu bursa di negara ini? Bukankah lebih penting lagi kita memperbaiki semua kelemahan yang wujud di negara ini. Itu lebih positif lagi.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai rizab yang terdapat selama ini, memang selama ini kita mempunyai rizab lebih kurang seperti itu juga. Selama kebelakangan lebih kurang 10 tahun ini kita mempunyai rizab lebih kurang itu sahaja dan kita telah dapat menguruskan hal ekonomi kita dengan perkembangan yang baik, dengan kadar pembangunan yang begitu baik sekali, dengan kadar 8% lebih daripada itu. Ini adalah berasaskan kepada kita tidak menghadapi serangan seperti yang berlaku pada kali ini. Ini adalah di luar jangkaan saya bersabit dengan seperti apa yang dicadangkan RM200 bilion itu, saya rasa ini secara spekulatif, saya tidak mahu jawab soalan ini. Walaupun terdapat, itu mungkin dapat juga.....

Dr. Tan Seng Giaw: Dollar Amerika.

Dato' Wong See Wah: Dollar Amerika, okay. Itu adalah satu angka spekulatif, saya rasa saya tidak hendak jawab soalan ini. Tetapi apa yang perlu kita jawab ialah kita mempunyai fundamental yang baik. Kalau bukan oleh kerana isu manipulasi, mungkin perkara ini tidak berlaku. Kalau bukan oleh kerana keadaan ekonomi di Thailand yang begitu buruk sekali yang telah membuka satu water gate untuk serangan itu, mungkin keadaan seperti ini tidak berlaku di Malaysia dan ini telah

merebak ke negara-negara di rantau ini. Saya rasa kita hendaklah terima hakikat ini dan kita memang nampak kelemahan dalam sistem pertukaran wang asing di dalam dunia ini, bukan yang terdapat dalam sistem kita. Kita memang mempunyai sistem kita dan selama ini telah berjalan dengan baik dan telah mendapat keyakinan dan sokongan penuh daripada rakyat yang kita nampak. Saya rasa.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Wong See Wah: Cukuplah, biar saya habiskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Segambut, iaitu SBL. Sebenarnya SBL ini diperkenalkan pada 13 September 1995 dengan tujuan untuk menggalakkan aktiviti pinjaman sekuriti. Aktiviti pinjaman sekuriti ini dibenarkan pada masa itu ialah untuk dua tujuan utama. Yang pertama, untuk menyelesaikan sesuatu dagangan, dengan izin, for settlement purposes dan juga sebagai satu mekanisme untuk membantu dagangan di pasaran niaga hadapan (hedging purposes in the financial futures market). Pada masa itu, beberapa syarikat broker telah diluluskan dan dibenarkan untuk menjalankan pinjaman sekuriti itu dan pihak yang tertentu, seperti BSKL juga telah menjalankan beberapa mekanisme supaya untuk memastikan konsep ini berjalan dengan lancar, umpamanya semua pihak yang terlibat perlu melaporkan dengan terperinci setiap bulan perihal butir-butir seperti berikut, iaitu kaunter yang telah dipinjamkan, jumlah saham yang dipinjamkan, nilai saham yang dipinjamkan, tarikh pinjaman diberikan, tarikh sekuriti tersebut harus dipulangkan. Menurut pihak BSKL, laporan-laporan yang relevan telah diberikan kepada mereka sejak masa aktiviti ini dimulakan dan tidak nampak kelemahan dalam sistem ini. Walau bagaimanapun, menurut Suruhanjaya Sekuriti, memandangkan keadaan pasaran ekuiti yang tidak stabil pada masa ini maka BSKL telah mengeluarkan arahan kepada semua ahlinya jangan membenarkan aktiviti regulated short selling.

Tentang Khazanah Nasional, seperti yang dikatakan, suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Lembaga Khazanah Nasional adalah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan timbalannya ialah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan segala polisi utama, polisi-polisi adalah ditetapkan oleh lembaga penuh dan jawatankuasa exconya hanya menjalankan polisi-polisi yang telah ditetapkan, manakala urusan perniagaan harian itu adalah dijalankan oleh pihak pengurusan Khazanah Nasional dan ini termasuk juga pengurusan dana khazanah.

Jadi, masalah seperti yang ditimbulkan iaitu percanggahan kepentingan peribadi oleh pengerusi jawatankuasa exconya adalah tidak timbul.

Sekian sahaja saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Kalau ada bahagian yang saya tidak sempat jawab, saya percaya pegawai-pegawai yang terlibat itu memang telah mencatatkan semua aspek dan akan memberi perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Bernama 1967 bagi bacaan kali kedua.

Tujuan pindaan adalah untuk menarik balik hak eksklusif Bernama untuk menerima berita dan mengedar berita-berita dan maklumat luar negeri di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) ditubuhkan di bawah Akta Bernama 1967 yang antara lain bertujuan mencari, melapor dan mengemukakan maklumat berita, bahan berita atau rencana berita yang lengkap, benar dan saksama dan membahagikannya kepada pelanggan-pelanggan dengan dikenakan bayaran atau pertukaran berita atau keduanya sekali. Bernama sebagai agensi Berita Nasional telah menjalankan segala kewajipan sosialnya dengan efektif dan telah diterima sebagai saluran yang dipercayai antara kerajaan dan media.

Akta ini telah dipinda pada tahun 1990 yang antara lain, memberikan hak eksklusif kepada Bernama untuk menerima masuk ke Malaysia apa-apa bahan berita daripada agensi berita luar negeri dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berurusan dalam bidang berita dan mengagihkannya di Malaysia. Ini bermakna bahawa semua berita dari agensi-agensi berita luar negeri sekarang disalurkan melalui Bernama sebelum diedarkan kepada media massa tempatan. Hak eksklusif ini sebenarnya bukan satu cara menapis berita dan maklumat oleh Bernama bagi pihak kerajaan. Ia adalah satu peraturan komersial di mana agensi-agensi berita antarabangsa yang besar bekerjasama dengan Bernama dengan memasarkan perkhidmatan mereka di Malaysia, di samping memberi peluang kepada Bernama untuk memperolehi pendapatan. Ini juga bertujuan untuk memajukan dan menggalakkan kerjasama dan persefahaman antara kawasan dan antarabangsa dan memajukan pengaliran berita yang lebih besar mengenai Malaysia secara saksama ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan teknologi yang pesat berlaku dalam bidang teknologi maklumat pada masa sekarang tidak memungkinkan pengaliran masuk berita dapat disalurkan seperti dahulu. Melalui Internet misalnya, berita dapat masuk tanpa kawalan dan media massa tempatan dapat menyiarkan berita-berita ini tanpa melalui Bernama dan tanpa membuat apa-apa bayaran kepada Bernama. Sehubungan dengan ini, adalah wajar penarikan balik hak eksklusif ini dilakukan berikutan kemasukan teknologi maklumat yang jelas tiada sempadannya. Dengan wujudnya Koridor Raya Multimedia kelak, kerajaan tidak akan mengenakan sebarang tapisan berita ke atas maklumat dan media massa tempatan dalam menyiarkan berita-berita ini. Aliran bebas informasi ini adalah penting ke arah membentuk satu masyarakat bermaklumat yang dapat membantu pencapaian kemajuan negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini maka status akta mengenai penyaluran berita asing di Malaysia dikembalikan kepada masa prasemakan 1990 di mana agensi-agensi berita asing boleh

memasarkan perkhidmatan berita mereka terus kepada pelanggan atau sebaliknya mengadakan perjanjian pemasaran perkhidmatan mereka di Malaysia melalui Bernama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Bernama 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

5.05 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan kepada pindaan Akta Bernama yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin membangkitkan masalah bahawa Malaysia sentiasa dimanipulasikan oleh media asing kerana majoriti syarikat media berkenaan dimodali oleh kelompok manusia yang mempunyai agenda jahat terhadap pemimpin dan kerajaan di negara ini dan kemungkinan pemimpin-pemimpin dan kerajaan di rantau negara-negara ketiga. Mereka sering memfitnahkan kita menerusi pelbagai cara. Pada suatu ketika dahulu, beberapa media asing melaporkan bahawa minyak sawit Malaysia ataupun minyak sawit secara umumnya adalah punca penyakit kanser, maka harga minyak sawit pun menjunam. Akibatnya, jualan minyak sawit khususnya dari Malaysia sebagai pengeluar terbesar menjadi lembab, pendapatan tukaran asing negara merosot dan ekonomi kita juga turut terjejas. Lebih serius lagi, pendapatan pekebun kecil sawit di kampung-kampung di negara kita turut menurun, kuasa beli mereka merosot dan mereka pun memarahi dan membenci kerajaan.

Kini terbukti bahawa minyak sawit mempunyai elemen yang berpotensi untuk mengubati kanser hati. Hasil kajian seorang profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia baru-baru ini adalah bukti kepadanya dan akan dikomersialkan tidak lama lagi. Jadi, ini bermakna tidak lama lagi akan wujudlah satu jenis ubat untuk kanser hati yang berasaskan minyak sawit. Ini membuktikan bahawa apa yang diheboh-hebohkan oleh media Barat mengenai minyak sawit suatu ketika dahulu adalah fitnah yang dicipta untuk menimbulkan keadaan politik dan sosial yang tidak stabil di Malaysia.

Hilang kisah fitnah tentang minyak sawit, timbul pula cerita-cerita yang mengadu-dombakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Akibatnya, politik UMNO jadi agak kurang stabil. Apabila fitnah ini diatasi, timbul pula cerita yang dibangkitkan oleh *New Sunday Times of London* kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terbabit menerima wang rasuah daripada projek pembelian senjata dan juga daripada Projek Empangan Pergau yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat British. Fitnah ini dilaporkan oleh *Sunday Times of London* sewaktu Barisan Nasional sedang diancam hebat oleh Parti Semangat 46 yang hari ini sudah bubar dan PAS menjelang Pilihanraya Umum 1995. Apa yang dilaporkan adalah tidak benar. Tetapi, kepalsuan ini dilaporkan, sengaja dibesar-besarkan untuk dijadikan bahan politik pembangkang di Malaysia dan supaya politik parti pemerintah jadi goncang dan mungkin juga supaya kalah dalam Pilihanraya Umum 1995. Alhamdulillah, Pilihanraya Umum 1995.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Teluk Intan bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak ada standard, freshie. Alhamdulillah, Pilihanraya Umum 1995, Kerajaan Barisan Nasional menang majoriti yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua.....*[Diganggu]* don't try to be funny.

Tuan Yang di-Pertua, hilang kisah tersebut, sekali lagi media asing mengadu-dombakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Fitnah ini dibesar-besarkan menjelang pemilihan pucuk pimpinan tertinggi UMNO pada tahun 1996. Kepalsuan ini juga bertujuan menggoncangkan UMNO. UMNO tidak goncang, tetapi media asing terus memfitnahkan negara ini dan pemimpin kita.

Terbaru sekali, media asing berusaha mengadu-dombakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri berikutan serangan golongan asing ke atas mata wang negara dan juga serangan ke atas Bursa Saham Kuala Lumpur. Olahan berita media asing dalam konteks ini cuba memberikan gambaran yang keliru bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil pendirian yang keras dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengambil pendirian yang penuh diplomasi. Laporan media asing juga cuba mengelirukan rakyat Malaysia khususnya bahawa kononnya mata wang negara ini semakin merosot kerana Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri bertubi-tubi mengatakan bahawa perdagangan mata wang perlu diharamkan ataupun perlu dikawal menerusi undang-undang.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat demikian kerana beliau tidak rela segelintir pedagang mata wang dunia, seperti George Soros, jadi kaya-raya menerusi cara yang paling kotor dan tidak bermoral yang menyebabkan sebuah kerajaan jadi kurang stabil, ekonomi jadi agak lemah dan kuasa beli rakyat jelata semakin rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kita ambil contoh yang telah dilakukan oleh Soros. Akibat tindakannya menyerang perdagangan mata wang asing di rantau Asia Tenggara, mata wang Malaysia hari ini merosot hampir 25%, Thailand merosot hampir 50% dan di Indonesia merosot hampir 50%. Pendapatan per kapita Malaysia yang sebelum ini pada kadar RM5,000 sebulan, kini merosot kepada RM3,725. Ini bermakna sama dengan pendapatan per kapita Malaysia pada tahun 1980. Ini bermakna George Soros berjaya memundurkan ekonomi negara kita 17 tahun ke belakang. Adakah ini cara orang yang mempunyai prinsip moral? Tidakkah ini bukti bahawa Soros memang penyangak yang sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah bukti kedurjanaan agenda media asing manipulator mata wang asing. Soros mahu memiskinkan Malaysia dan rakyat jelatannya. Media asing pula mahu menanggung di air keruh untuk menimbulkan keadaan sosio-ekonomi dan politik Malaysia yang tidak stabil. Soros dan media asing ini mempunyai strategi yang kelihatannya terselaras atau coordinated. Siapakah di belakang mereka?

Saya yakin lambat-laun kita akan tahu siapakah di belakang Soros dan siapa di belakang media asing yang sedang menyerang Malaysia. Tetapi, kita harus waspada bahawa siapa sahaja yang mendalangi Soros dan siapa sahaja yang mendalangi media asing ini adalah satu kuasa besar yang sedang mahu mencari jalan mendominasi ekonomi dunia, mendominasi politik dunia dan meracuni minda negara supaya terjajah menerusi neocolonialism, termasuklah kita di Malaysia.

Saya serta seluruh sahabat saya dari Barisan Nasional telah pun mendapat penjelasan terperinci mengenai Soros dan media asing dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada petang semalam dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari Isnin yang lalu. Kami berikrar bahawa kami tidak akan rela siapa sahaja kuasa asing - baik kuasa ekonomi, baik kuasa politik, baik kuasa media - untuk memporak-perandakan sosio-ekonomi dan politik Malaysia. Kami yakin dan

percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri berkata benar dan telah mencadangkan strategi yang wajar untuk mengatasi isu kejatuhan nilai mata wang ini. Jika tidak, manalah International Monetary Fund (IMF), World Bank dan World Trade Organisation (WTO), sebagaimana ditegaskan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi, sudi untuk mendalami langkah-langkah yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini. Kesudian badan-badan ini, termasuk IMF mendalami cadangan ini adalah bukti bahawa Perdana Menteri bercakap benar dan Timbalan Perdana Menteri juga bercakap benar, cakap-cakap mereka tidak selaras dan tidak mewujudkan elemen-elemen pergeseran.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, izinkan saya mengulas mengulangi ikrar Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini - bahawa kami tidak akan merelakan negara ini dijajah dalam bentuk apa jua sekalipun. *[Tepuk]* Kami tidak akan merelakan mana-mana pihak asing dan tempatan, sekarang ini ada golongan tempatan, dia memanjangkan 'lidah biawak' orang-orang asing supaya pemimpin kita berpecah belah. Kami tidak akan merelakan pihak luar atau dalam cuba mengadu-dombakan gandingan Perdana Menteri dan Timbalannya serta seluruh Kerajaan Malaysia. *[Tepuk]* Malaysia memerlukan gandingan ini untuk membina negara - bangsa yang terus merdeka, terus berdaulat, terus sejahtera dan cemerlang.

Dalam konteks fitnah media asing yang sentiasa bertubi-tubi dari masa ke semasa, saya mencadangkan supaya Malaysia mewujudkan Agensi Berita Antarabangsa milik negara ini atau yang dimiliki oleh konsortium syarikat-syarikat Malaysia sendiri.

Di dalam perbahasan saya mengatakan mengenai ketidakadilan hak asasi manusia sewaktu krisis dan isu Bosnia, saya pernah menyuarakan hal ini. Jaringan ataupun rangkaian (network) untuk kita mewujudkan Agensi Berita Antarabangsa Malaysia ini sudah ada. Contohnya, Bernama mempunyai wakil di beberapa negara asing. TV3, *New Straits Times Press*, *Berita Harian* dan *Utusan* mempunyai wakil di Great Britain atau di England yang juga meliputi wilayah pemberitaan di Eropah Barat. Contohnya, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan juga Bernama mempunyai wakil di Singapura, di Indonesia, di Filipina. *Star* pula mempunyai wakil di Australia dan sebagainya. Inilah network-network yang boleh digabungkan.

Oleh itu, saya mencadangkan semua syarikat terbabit dan juga pelabur-pelabur Malaysia yang prihatin wajarlah menggembelngkan sumber kewangan dan tenaga (manpower) mewujudkan Agensi

Berita Antarabangsa milik Malaysia. Agensi ini bolehlah mewujudkan perkongsian bestari (smart alliances) dengan agensi berita di lain-lain negara ketiga. Umpamanya dahulu pernah ditubuhkan International Islamic News Agency, tidak berfungsi. Saya ingat sewaktu zaman Almarhum Tunku mengepalai Sekretariat Islam di Jeddah telah diwujudkan Islamic International News Agency (IINA) tetapi mungkin kerana terlalu constrain dengan perkataan Islamic, perkara ini never take off, dengan izin. Ini adalah di antara satu cara kita membebaskan diri dari kongkongan media Barat dan satu cara kita tidak mahu didominasi oleh pemodal-pemodal media Barat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap mission kita di luar negara mempunyai press attache. Kita mempunyai press unit di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kita mempunyai press attache di Washington. Kita mempunyai wakil akhbar di semua mission Malaysia. Ini juga boleh difikirkan supaya pada peringkat awalan pewujudan Agensi Berita Antarabangsa Malaysia ini sebagai satu daripada network untuk menyalurkan berita pulang ke Malaysia, kita membuat ulasan mengenai negara asing menerusi kaca mata kita supaya rakyat dihidangkan dengan keadaan sebenar dan bukan keadaan berita yang dimanipulasikan oleh media asing yang dimodali orang yang berniat jahat

Banyak ulasan antarabangsa mengatakan di bawah globalisasi, perkara ini akan merebak luas. Oleh kerana sekarang ini agensi berita asing sebilangan besarnya hanya mementingkan orang besar, orang Barat, kuasa-kuasa besar (dominant), di mana suara kami, negara-negara ketiga?

Saya baru balik daripada Persidangan CPA di Mauritius, apabila disuarakan mengenai hak asasi manusia yang tidak adil, semuanya bersuara, tetapi di peringkat kepimpinan dunia yang lebih tinggi, tidak berani bersuara oleh kerana mereka dikongkong oleh beberapa perkara. Mereka dikongkong oleh hutang negara mereka kepada World Bank, mereka dikongkong oleh IMF, mereka dikongkong oleh WTO, jadi pemimpinnya semua senyap. Dia mengatakan, Mahathir cakap benar, tetapi mereka tidak mahu bersuara bahawa Mahathir cakap benar oleh kerana mereka masih lagi dikongkong. Jadi, harap perkara ini diberi satu perspektif yang serius, didalami secara serius supaya dengan semangat kepeloporan (pioneership) yang dibuat oleh Malaysia ini, kita akan sekurang-kurangnya membebaskan negara kita dari dominasi berita yang masuk oleh sumber-sumber asing dan pada waktu yang sama, kita juga dapat membebaskan kongkongan berita asing terhadap negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks media tanah air pula, saya mencadangkan supaya mereka mengkaji semula peranan mereka ke arah mewujudkan masyarakat madani. Menurut Timbalan Perdana Menteri, saya mengambil definisi dalaman (local), masyarakat madani didefinisikan sebagai masyarakat yang mempunyai sistem sosial yang subur yang diasaskan kepada prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara kebebasan individu dengan kestabilan masyarakat. Masyarakat madani wajar mendorong daya usaha atau inisiatif individu, baik dari segi pemikiran, seni, ekonomi dan teknologi. Sistem sosial di dalam sesuatu masyarakat madani perlu cekap dan saksama. Pelaksanaan pemerintahannya pula perlu mengikut undang-undang. Pendek kata, segala sistem dalam masyarakat madani perlu mempunyai ciri-ciri keterdugaan (predictability) dan juga ketelusan.

Timbalan Perdana Menteri juga mengatakan bahawa ciri-ciri di atas adalah penting sekali kerana tiada siapa yang terdorong untuk datang ke negara sekiranya kita tidak telus dan tidak predictable.

Kemelut yang dideritai oleh umat semasa hari ini seperti meluasnya keganasan, sikap melampau, ketidakadilan, kebejatan sosial, kejahilan, kelesuan intelektual serta kemuffisan budaya adalah manifestasi ketiadaan ciri-ciri madani di dalam sesuatu negara. Kemelut ini, menurut Timbalan Perdana Menteri, dapat disaksikan di kalangan kita sendiri, di kalangan negara-negara Islam, baik di Asia mahupun di Afrika umpamanya, seolah-olah kita sedang dijajahi oleh satu kezaliman, satu kediktatoran dan seolah-olah sebilangan negara-negara yang berhadapan dengan krisis, rakyatnya telah pun dipinggirkan dari arus politik perdana. Lantaran itulah Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa perjuangan menegakkan masyarakat madani tidak boleh berjaya tanpa perjuangan dalaman, seperti kata Malek bin Nabi, tanpa the inner struggle of conscience, dengan izin.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sayugialah kita sama-sama beringat bahawa konsep masyarakat madani adalah ideal dan agak sukar untuk menjadi suatu kenyataan yang sempurna. Namun begitu, ini tidak bermakna bahawa kita tidak perlu berjuang ke arah kewujudannya di negara ini.

Berdasarkan definisi Timbalan Perdana Menteri, ciri-ciri penting masyarakat madani adalah:

- sistem sosial yang subur, yang berasaskan prinsip moral, yang boleh mengimbangi kebebasan individu dan kestabilan masyarakat;
- sistem sosial yang cekap dan saksama;
- pemerintahan yang mengikut undang-undang;

- predictability dan transparent;
- bebas dari cengkaman rasuah;
- bebas dari keganasan, extremism, ketidakadilan, penindasan terhadap golongan terbanyak, kejahatan sosial, kelesuan intelektual dan kemufilsan budaya;
- satu order politik yang serasi, tiada kediktatoran, tiada kezaliman;
- memerlukan perjuangan yang digandungi oleh the inner struggle of conscience;
- anggota masyarakat madani hendaklah mendorong inisiatif individu di bidang pemikiran, seni, ekonomi dan teknologi.

Kalaulah hakikat ini boleh dijadikan sandaran terhadap apa yang mahu diwujudkan di Malaysia, apakah peranan media kita? Negara Malaysia memang sudah pun sejak selama-lamanya mengamalkan pemerintahan yang berlandaskan keluhuran undang-undang, apatah lagi apabila ini dimaktubkan dalam Perlembagaan yang penggubalannya didukung secara rasmi dan jitu oleh seluruh masyarakat pelbagai bangsa, pelbagai agama dan pelbagai latar belakang sejarah.

Pada waktu yang sama, sistem pentadbiran dan politik Malaysia adalah predictable, kerana itulah di antara ciri-ciri yang dituntut oleh sesuatu sistem yang demokratik, apatah lagi apabila Malaysia memang sesungguhnya mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. Ini bermakna bahawa Malaysia yang merdeka tidak diperintah oleh rejim diktator ataupun kelompok zalim.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan majoriti rakyat jelatanya juga memang memusuhi rasuah. Pindaan ke atas Akta Rasuah yang dilaksanakan di Parlimen beberapa bulan yang lalu adalah manifestasi kukuh mengenai hal ini. Permuafakatan rakyat jelata dari pelbagai latar belakang dan ideologi politik terhadap isu ini juga adalah manifestasi yang jelas. Namun begitu, terdapat banyak lagi kekurangan yang perlu diatasi jika masyarakat Malaysia mahu mencapai tahap madani dalam erti kata yang paling ideal. Contohnya, biar pun rakyat Malaysia bebas dari sebarang keganasan, kediktatoran atau kezaliman, kita masih lagi berhadapan dengan masalah kejahatan sosial yang amat parah.

Laporan Ekonomi Negara 1996-1997 menunjukkan bahawa pada tahun 1995 terdapat 1,117 kes penganiayaan kanak-kanak yang dilaporkan di seluruh negara. Ini bermakna peningkatan sebanyak 118.6%. Kes pembuangan bayi semakin meningkat hari demi hari. Kes sumbang muhrim sama meningkat indeksinya dengan pencemaran udara.

Dari tahun 1988 hingga 1995 sejumlah 194,797 penagih dadah, termasuk penagih baru dan berulang, telah dikesan. Ini tidak mengambil kira kenyataan WHO di mana seorang penagih yang berdaftar, ada lima pengikut di belakang. Kalau itu diambil kira, berapakah jumlahnya? Pada kadar purata, 2,800 penagih dikesan setiap bulan. Sehingga hujung tahun 1995, sebanyak 14,418 kes HIV terkumpul dicatatkan di negara ini, sekarang lebih meningkat, sudah ramai yang mati. HIV ini pula 95.6% dikesan membabitkan remaja antara golongan umur 20 hingga 39 tahun - dalam golongan umur yang masih aktif (active age). Sejak 1986 hingga 1995, 331 pengidap AIDS dikesan dan 283 sudah meninggal dunia. Perkara ini membelanjakan wang ringgit yang berjuta-juta. Kita tahu sendiri, kita akan membincangkan masalah kewangan negara (budget), kita tahu sendiri berapa juta ringgit akan dibelanjakan. Ini merupakan satu kebocoran kepada dana kewangan negara yang boleh digunakan untuk memperbaiki kualiti hidup masyarakat, termasuk orang-orang luar bandar yang saya wakili.

Begitu juga dengan kes-kes jenayah juvana, dengan kes-kes gaya hidup bebas 'ala Coca-Cola' ataupun 'ala Salem'. Banyak lagi kes yang parah. Soalnya sekarang, apakah peranan media massa di dalam negara, baik media massa elektronik, baik media massa cetak

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lagi perkembangan baru iaitu teknologi maklumat. Apakah pembelaan ataupun kesedaran yang mahu diberikan oleh media kepada orang-orang kita bahawa teknologi maklumat tidak perlu ditakuti, harus dihindari, dijadikan kawan, harus dikuasai supaya mereka tidak menjadi terpinggir, tidak dapat menguasai maklumat, supaya mereka dapat terus menguasai ilmu, mereka jadi berkuasa oleh kerana dapat menguasai maklumat.

Kelemahan masyarakat Melayu di dalam bidang matematik, dalam bidang sains, apakah yang akan dimainkan oleh pihak media? Oleh kerana salah satu keperluan penting masyarakat madani adalah ilmu, bagaimanakah media memainkan peranan supaya orang-orang kita tidak takut menimba ilmu pada setiap waktu dan terus-menerus?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita lihat kemuflian budaya dan kelesuan intelektual di dalam negara kita. Perkara ini telah pun diberi kupasan yang very comprehensive, dengan izin, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu merasmikan Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Beliau menggesa supaya hakikat ini diatasi segera. Tetapi sejauh manakah response masyarakat terhadap seruan ini dari pemimpin besar ini?

Kesongsangan seni juga amat ketara. Jika seni muzik remaja tanah air boleh diambil kira sebagai contoh, kita dapat merasai hakikat kesongsangan. Rata-ratanya seolah-olah telah dijajah perkembangan muzik tanah air oleh corak Barat yang tidak tentu hala.

Begitu juga dengan seni drama, seni tari dan seni lukis. Perkembangan di dalam cabang-cabang seni ini kelihatannya terlalu komersial. Jika adapun pihak yang serius terhadapnya, mereka

kurang dapat dorongan, mereka tidak dapat rangsangan, apatah lagi dapat tajaan di segi material. Siapakah yang harus disalahkan?

Bidang pengkaryaan hasil-hasil sastera yang besar dan original juga lembab. Pada suatu ketika, kelompok para karyawan tanah air seolah-olah terjebak dengan demam material dan tergilagila mengejar bintang. Akibatnya sekarang wujud jurang di antara karyawan berbintang dan seniman kerdil. Siapa yang harus dipersalahkan dalam hal ini? Setelah saya mempersembahkan keadaan-keadaan ini, apakah peranan media massa Malaysia untuk mewujudkan masyarakat madani, masyarakat yang harus berilmu, masyarakat yang harus menyuburkan perkembangan budaya, masyarakat yang harus menghargai sastera, masyarakat yang harus mempunyai budaya jati diri dan sebagainya. Apakah peranan media massa pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bekas wartawan 10 tahun, sebagai seorang yang kini terlibat di dalam pengurusan di peringkat Lembaga Pengarah pada salah satu syarikat akhbar, sebagai seorang penerbit, sekarang ini saya menerbitkan tiga majalah dan sebagai seorang legislator dalam Dewan Rakyat, saya berpendapat perkara-perkara berikut harus diberi tumpuan oleh pihak kerajaan sama ada oleh Menteri Penerangan atau sama ada oleh pihak yang melesenkan surat khabar.

Pertama, wujudkan order baru kewartawanan negara. Ini adalah cadangan jangka panjang. Dalam hal ini, saya mencadangkan supaya semua pihak yang terbabit dengan latihan kewartawanan, ITM baik, UKM, semua universiti yang ada kursus kewartawanan, semua syarikat akhbar dan institusi perakhbaran seperti Institut Kewartawanan Malaysia dan sebagainya, dan juga pengamal media, sama ada elektronik atau media cetak, mereka harus mencari jalan menterjemahkan prasyarat kemunculan masyarakat madani kepada strategi latihan dan program permediaan atau program persuratkhbaran dan program permajalahan.

Contohnya, jika suatu ketika dahulu diwujudkan program kewartawanan alam sekitar, maka timbullah satu kelompok wartawan pelopor yang memahami isu alam sekitar secara mendalam. Mereka boleh menulis secara authoritative, mereka boleh menyebarkan kesedaran. Alhamdulillah, sekarang ini Malaysia menjadi sebuah masyarakat yang terlalu prihatin mengenai alam sekitar. Satu ketika dahulu diwujudkan program kewartawanan, pembangunan dan ekonomi. Maka wujudlah satu korpelopor wartawan, pembangunan dan ekonomi. Maka difahamkanlah rakyat apa erti pembangunan dan erti

ekonomi, apa faedah pembangunan dan apa faedah ekonomi. Maka wujudlah satu kesedaran yang amat mendalam di dalam pembangunan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak mengapalah, you bukan wartawan. Dengan izin, I am the authority, nantilah.

Jadi, berasaskan hakikat di atas, saya minta supaya seluruh institusi pendidikan kewartawanan mewujudkan satu kurikulum khusus supaya para pelajar penuntut kewartawanan diberi input yang mendalam mengenai isu-isu futuristic, isu-isu yang mendepani zaman, isu-isu kebejatan sosial diberi perspektif yang mendalam di dalam training, supaya muncul satu korpelopor kewartawanan yang boleh menulis mengenai isu-isu kebejatan sosial, kebobrokan masyarakat secara authoritative. Saya harap perkara ini...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahulu. Memang sekarang ini subjek agama, subjek kewarganegaraan, ketatanegaraan diberi untuk seluruh pelajar di institusi pengajian tinggi. Tetapi sekadar untuk membolehkan mereka memenuhi syarat untuk lulus peperiksaan. Kita mahu mereka diberi ilmu yang boleh dijadikan tools, dengan izin, yang boleh dijadikan wadah supaya mereka dapat berdiskusi mengenai kebobrokan sosial yang perlu diatasi dengan segera dan kebobrokan sosial yang amat parah. Silakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya sangat tertarik kepada hujah-hujah Yang Berhormat Parit yang Sulong, khususnya mengenai order baru kewartawanan negara memang baik. Saya memang sokong hasrat seumpama ini kerana ini satu hasrat yang baik. Cuma ada beberapa perkara hendak kita timbulkan. Saya akan teruskan, cuma hendak penjelasan sahaja sedikit-sebanyak. Yang pertama, kalau saya, bukan dari segi DAP sahaja, ada buat kenyataan, komen atau ucapan yang bererti, adakah Yang Berhormat sebagai seorang yang terlibat dengan media tiga majalah, sanggup memuatkan apa yang saya ucapkan tanpa mengira parti, kerana ini order baru.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cukuplah, cukup!

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan authority yang begitu canggih.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Okay.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sendiri sanggup menerima kritikan yang baik oleh para pemberita terhadap Yang Berhormat sendiri, terima dengan terbuka. Jangan kita cari pemberi itu, tutup majalah itu, pecatkan pemberita itu. Ini satu budaya baik. Saya suka kalau order baru ini termasuk budaya pemimpin yang terbuka.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih. Saya akan menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Kepong dengan persoalan kepada Yang Berhormat dari Kepong. Sanggupkah Yang Berhormat menulis satu kritikan saya terhadap pembangkang dalam majalah 'Roket'? Kalau jawabnya setuju, saya setuju, oleh kerana saya ingin kepertanggungjawapan, akauntabiliti dari segi kewartawanan. Persoalan saya, kalau boleh....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: No. I am not opening any debate with you, dengan izin. Tidak mengapa, duduk! Duduk dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dengar saya cakap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk dahulu! Jadi, saya tidak mahu menjawab secara khusus. Saya hanya memulangkan balik, melontarkan balik pertanyaan saya kepada Yang Berhormat sebagai jawapan.

Sekiranya organ-organ parti politik, termasuklah daripada *Harakah*.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: [*Sambil memicit dahinya*]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Itu yang sedang memegang kepala - surat khabar yang agak tidak mempunyai etika langsung dalam kewartawanan. Saya mencabar hari ini, saya tidak mahu surat khabar itu....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Haramkan!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia 'baling batu sembunyi tangan'. Ini adalah very unethical. Dalam Islam pun tidak dituntut untuk menjadi unethical. [*Tepuk*] Jadi, persoalan saya, sekiranya seluruh kewartawanan, keluarga kewartawanan, pemodal media dalam hal ini mahu kepertanggungjawapan serasi dengan kewujudan satu budaya kepertanggungjawapan, saya tidak

menjadi halangan untuk menerbitkan artikel Yang Berhormat dari Kepong. Tetapi selagi mereka masih mempunyai mental block, masih lagi mempunyai mentaliti yang terkebelakang, seumpamanya akhbar *Harakah*, saya kata dua perkataan sahaja. Saya tidak mahu sebut perkataan itu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Haramkan!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, saya minta yang keduanya, seluruh surat khabar harus memainkan peranan dan meningkatkan obligasi sosial mereka kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1940-an, satu kelompok pelopor wartawan telah menyemarakkan semangat api bara kemerdekaan. Terbukti dan tercatat dalam sejarah wujud satu kelompok pelopor wartawan yang meniupkan, yang menyemarakkan api, bara kemerdekaan. Maka timbullah satu kesedaran di kalangan orang-orang Melayu.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Contohnya, seruan Allahyarham Dato' Onn Jaafar menerusi surat khabar, orang Melayu harus bersatu. Seruannya disambut, dapat mewujudkan satu gerakan sosial, mewujudkan satu social mobilization, menimbulkan satu kesedaran di kalangan rakyat, kita harus sudah sampai waktunya untuk merdeka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalankah, Kepong bangun?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payah, Tuan Yang di-Pertua, dia bukan authority, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk Kepong, dia tidak beri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, hari ini saya minta diwujudkan satu order baru kewartawanan supaya perspektif kebobrokan sosial diolah secara positif, supaya kesedaran timbul semakin meningkat, supaya practical of social ills dapat dikurangkan, supaya generasi baru akan datang dapat dipelihara supaya survival bangsa kita terjamin. Itu luasnya implikasi harapan dan rayuan saya.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, syarikat media perlu mengkaji fokus serta keutamaan kewartawanan masing-masing. Saya not preaching to the convert, saya mengambil cakap perkataan Kota Melaka. Tetapi dalam konteks ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah, baik *Utusan*

Melayu, baik *New Straits Times*, baik *Star*, baik *Berita Harian*, baik TV3 they keep abreast with time. Mereka menjajarkan diri dengan waktu. Diwujudkanlah buletin, documentari, mengenai IT ada, mengenai keibubapaan ada, mengenai tenaga muda ada. Tetapi bagaimana dengan majalah-majalah yang seratus peratus dari kulit depan ke kulit belakang hanya melekakan, mencintakan budaya glamour di kalangan generasi muda, from cover to cover membina impian glamour. Maka ramailah anak-anak Melayu khususnya bila ditanya apa cita-cita? Jawab mereka hendak jadi penyanyi, hendak jadi artis, hendak jadi pelakon, pelakon tambahan pak pacak pegang pedang pun tidak mengapa, asal glamour.

Kita tidak mahu. Waktunya sudah sampai. Let them be that way, tetapi dengan modification, dengan izin.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah Kepong! Saya minta KDN tegurlah sedikit, seratus peratus dari kulit ke kulit mencita impian yang tidak menentu hala. Kita mahu impian menuju wawasan, mahu cemerlang. Kita mahu menyedarkan negara kita sedang diserang. Apa mesej yang dimainkan oleh kewartawanan permajalahan seperti ini, saya hendak tanya. Banyak, saya tidak mahu sebut, oleh kerana khususnya membabitkan bangsa saya orang Melayu. Apa harus kita buat. Saya tidak mahu majalah-majalah seperti ini diharamkan, tidak, itu zalim. Oleh kerana satu daripada tuntutan madani tiada kezaliman. Saya mahu mereka dibisikkan ke telinga mereka secara lunak, tolonglah adjust sedikit-sedikit supaya dimasukkan elemen ilmu, supaya dimasukkan elemen education, supaya dimasukkan elemen amanat pemimpin, supaya ditiupkan api kesedaran dengan cara shuttle, cara yang lembut, mungkin selesa dan selaras dengan imejnya, imej yang agak pop dan glamour.

Ini boleh dilakukan, tetapi pokoknya harus ada satu koordinasi minda, harus ada inner struggle, baru wujud satu perjuangan yang ikhlas dan tulen. Kalau tidak, mana ada. Saya menuntut perkara ini harus dilakukan. Saya merayu kepada kawan-kawan penerbit saya di seluruh negara, kalau hari ini hanya diterbitkan majalah yang hanya dari kulit ke kulit mencita impian yang palsu, ubahlah sedikit, tukarlah sedikit, serasikan content majalah-majalah ini dengan selera tanah air, dengan semangat kebangsaan, dengan semangat cintakan negara. Ini hakikat, kalau tidak, semakin ramai, ribuan anak-anak Melayu dibuai dengan kelekaan, dibuai dengan mimpi-mimpi palsu.

Inilah luasnya implikasi kewartawanan, oleh kerana wartawan gambar amat menarik apa yang dipaparkan di televisyen. Sekarang saya sudah puji TV3, sudah puji RTM, tetapi ada juga perkara-

perkara yang belum lagi kena dengan RTM. Kita lihat sekarang ini banyak lesen radio swasta - kadang-kadang kalau saya jalan daripada Kuala Lumpur hendak balik ke Parit Sulong, sampai district sudah hilang, tukar channel lain, tukar channel lain, semuanya hiburan. Satu ketika biografi penyanyi luar negara di 'highlight'. Wah lagu ini, diberi biografi orang ini lahir sekian, rekodnya lain sekian. Apa kena-mengena dengan pendengar Malaysia. Lepas itu lagu Inggeris, saya tidak anti-English. Saya pernah duduk dengan keluarga Inggeris selama dua tahun, saya tidak anti, tetapi dasarnya apa.

Kenapa tidak ada elemen-elemen pendidikan, elemen-elemen ilmu diselitkan menerusi program-program yang popular. Ini cakap fasal cinta asmara, saya dengar. Ini cerita 'saya syok dengan abang kerana 'chun'' Mentaliti muda ini melambangkan masa depan kita. Adakah kita mahu membina mentaliti mediocre ataupun kita mahu membina mentaliti dan jati diri yang cemerlang. Ini boleh dibantu kewujudan generasi yang cemerlang ini oleh media massa, baik oleh radio atau oleh majalah atau oleh akhbar atau oleh televisyen.

Sekarang ini wujud satu channel televisyen bebas, Astro. Program dia semakin gila kalau kita tengok. Rancangannya baik dalam Bahasa Malaysia, tetapi terlalu gila. Adakah kita mahu membina kebangkitan satu generasi muda yang gila-gila, adakah kita mahu membina kebangkitan, kewujudan satu generasi muda yang madani walaupun tidak dalam erti kata yang paling ideal. Jadi, saya persembahkan segala luahan rasa hati saya ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan.

Terlalu banyak 'phone-in programme'. Program ini terlalu popular, orang telefon, cakaplah apa hendak cakap. Lebih-lebih lagi tengah malam, cerita asmara dana! [*Ketawa*] Sebab itu cerita Bangsawan seperti dahulu sudah tidak ada. Dahulu semasa saya kecil kalau ada Bangsawan Diudara, tambah pula ada cerita puteri yang lahir daripada jantung pisang, mak! Bangsawan, mak!, saya lari mendengar. Oleh kerana ditanamkan bibit-bibit keperwiraan di dalam jiwa orang itu. Sekarang mana ada. Adegan-adegan Sitcom, semuanya very mediocre, mana ada yang dinamakan kualiti ataupun mutu. Tidak ada!

Tuan Yang di-Pertua, minta izin, saya agak emosional dalam hal ini. Oleh kerana saya rasa, saya tidak minta apology kalau saya kelihatan impatient dalam hal ini. Oleh kerana di dalam proses kita mahu membina masyarakat berwawasan, membina masyarakat madani, media cetak, media elektronik memainkan peranan yang amat besar. Anak umur tiga tahun belum pandai membaca, belum pandai

menulis, tetapi dia pandai memandang. Dan pandangan apa yang dipandangkan menjadi input kepada formasi perfectionnya.

Jadi, saya haraplah program-program ini haruslah diperbaiki, dan saya harap kewujudan Malaysian International News Agency disegerakan, didalami, dan saya harap pihak kerajaan dapat memberi satu bimbingan kepada rakan-rakan penerbit, rakan-rakan media, rakan-rakan pemilik televisyen dan radio swasta supaya berilah, kalau sekarang ini seratus peratus entertainment, kita dedikasikan 25% supaya program dia boleh dikatakan edutainment ataupun yang boleh meninggalkan amanat, boleh dapat melahirkan minat kepada ilmu, boleh meninggalkan ilmu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kubang Kerian.

5.48 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bercakap untuk berlawan dengan Parit Sulong. Saya berterima kasih kepada beliau kerana beliau mengkritik *Harakah*, dan pada masa yang sama mengkritik perkara-perkara lain yang lebih banyak daripada mengkritik *Harakah*. Beliau waraslah dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada KDN kerana masih mengizinkan akhbar *Harakah* dijual, cuma KDN minta akhbar *Harakah* diasingkan daripada akhbar lain. Memanglah ia akhbar suci tidak boleh campur dengan akhbar yang lain.

Seorang Ahli: Pirrah!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih kepada pegawai-pegawai KDN yang berfikiran waras. Tunggulah giliran bercakap, jangan buat macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membincangkan hal BERNAMA, iaitu satu agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan supaya dapat mengeluarkan ataupun berita-berita dan juga mempertahankan dasar-dasar negara dari sudut berita yang dikeluarkan oleh agensi ini. Sekarang ini kita lihat Malaysia sudah menjadi satu target negara-negara lain, kerana di sini sedang berlaku kebangkitan ekonomi dan juga kebangkitan ummah. Oleh itu, peranan BERNAMA mesti dipertingkatkan, tidak boleh di tahap yang ada sekarang ini. Kegagalan Malaysia menepis segala tuduhan-tuduhan yang datang kepada Malaysia sekarang di antaranya ialah kegagalan BERNAMA itu sendiri. BERNAMA menjadi lesu dan beritanya kadangkala tidak dianggap berauthority.

Kadangkala kita menyalahkan kenapa orang suka memetik berita Reuter atau berita daripada agensi UPI dan lain-lain. Tetapi sekarang orang pelajarannya telah meningkat di kalangan rakyat, kadang-kadang mereka mengkaji di sudut authority berita itu. Sebab itulah peningkatan kefahaman rakyat sekali gus mereka hendak juga berita-berita yang authority yang boleh dipercayai, bukan propaganda untuk membodek sesiapa. Misalnya, sebulan lepas saya bertemu dengan pelajar-pelajar kita yang sedang menuntut, di antaranya menuntut bahagian jurnlisme di Universiti Leeds. Dalam pertemuan itu mereka bekalkan keratan akhbar kepada saya tentang ekonomi Malaysia dan masalah jerebu dan sebagainya. Mereka dapati analisa-analisa ekonomi, masalah jerebu dan sebagainya daripada akhbar lain. Saya tanya mereka kenapa tidak ambil daripada akhbar-akhbar Malaysia. Jawab mereka yang berkursus itu mengatakan “kami kurang yakin dari sudut authority dan kesahihannya.”

Ini yang perlu diperbaiki oleh BERNAMA, iaitu kesahihan dan authority bila dibaca oleh orang-orang yang berfikir, dia akui adanya authority. Sebab itu kalau kita mengeluarkan berita-berita untuk menyokong suatu dasar dengan tidak mengemukakan fakta-fakta, kritikan yang betul, maka berita-berita kita tidak laku di pasaran antarabangsa. Kita lihat negara yang menghadapi serangan media begitu dahsyat, iaitu negara Iran selepas revolusi. Bagaimana kejayaan agensi berita mereka IRNA. Ini sebuah negara yang dicop oleh Barat satu negara yang dikatakan dictatorship, satu negara yang diperintah tidak mengikut demokrasi, diskriminasi terhadap wanita dan sebagainya. Itu tuduhan yang dilemparkan oleh akhbar-akhbar besar. Tetapi agensi berita mereka iaitu IRNA bangun memberi penerangan dan membuka cawangan-cawangan mereka di luar negara sehingga sekarang ini kita melihat IRNA salah satu agensi berita yang dipetik oleh termasuk akhbar-akhbar daripada Barat, kerana kegigihan mereka bekerja dan memberi pandangan-pandangan balas sehingga IRNA itu dikenali.

Begitulah juga kita lihat agensi seperti TASS dan sebagainya yang mereka bekerja kuat untuk mempropagandakan negara mereka. IRNA kita lihat yang baru, sudah mengatasi BERNAMA di sudut kemampuan mereka membuat propaganda mempertahankan negara mereka atau sistem negara mereka. Sepatutnya BERNAMA mesti mempunyai pegawai-pegawai seperti ini dan dengan itu berita-berita BERNAMA lebih berauthority. Bila kita membaca akhbar luar daripada Malaysia jarang berita-berita dipetik daripada BERNAMA. Kalau ada pun, ianya terlalu sedikit. Oleh itu, kita harap BERNAMA ini mesti melipatgandakan usaha-usaha mereka untuk menjadikan agensi berita ini satu agensi yang cukup

bermakna dan berauthority dan dipercayai oleh orang-orang berfikiran waras bila berita itu keluar daripada BERNAMA.

Tuan Yang di-Pertua, BERNAMA juga hendaklah menjadi agensi untuk mengeluarkan wartawan, iaitu wartawan-wartawan yang authority mesti ada kelulusan ataupun diendorsed ataupun diluluskan oleh BERNAMA. Sekarang ini kita lihat wartawan-wartawan lahir di Malaysia ini kadangkala tidak melalui kursus-kursus yang tertentu, tidak melalui kursus-kursus profesional. Ini sungutan oleh orang yang terlibat dalam media, iaitu Tan Sri Samad Ismail. Beliau selalu mengeluh iaitu wartawan-wartawan Malaysia tidak bersifat seperti Imam Bukhari, Imam Muslim iaitu untuk mensahihkan sesuatu Hadis, kadangkalanya mereka berjalan beberapa buah negeri, beribu-ribu batu hanya untuk mendapatkan satu kesahihan Hadis. Tetapi menurut Tan Sri Samad Ismail, kadangkala wartawan yang ada di Malaysia ini hanya wartawan yang duduk di bilik meja dan kadangkala mereka cerita. Inilah yang Tan Sri Samad Ismail mengatakan satu badan profesional mesti dilahirkan untuk melahirkan pemberita-pemberita, wartawan-wartawan yang profesional, yang menulis berdasarkan fakta, bukan menulis berdasarkan bodek ataupun menyokong satu dasar tanpa disokong oleh fakta-fakta yang tertentu. Sebab itulah kita mengorak langkah untuk membuka institusi kewartawanan dan sekarang ini anak syarikat, iaitu Institusi Ibnu Sina akan membuka satu cawangan kursus profesional, di mana Tan Sri Samad Ismail akan berada di situ dan memberi pandangan-pandangannya untuk melahirkan wartawan yang profesional pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi, iaitu selalu kita mengeluh soal berita-berita daripada dunia ketiga diselewengkan. Ada usaha dahulunya untuk melahirkan agensi berita sekurang-kurangnya bagi negara OIC, dan BERNAMA menjadi pelopornya. Tetapi sekarang usaha itu hilang entah ke mana. Kita lihat usaha-usaha ke arah untuk melahirkan agensi berita negara-negara Islam tidak berjalan dan kita lihat BERNAMA yang dahulunya memainkan peranan sekarang telah layu. Adakah apa-apa yang berlaku kepada mereka yang menyebabkan mereka menjadi lesu tidak lagi mempelopori kuat dalam bidang untuk menyalurkan berita terutama negara OIC kepada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita lihat kesahihan berita daripada negara-negara terutama negara-negara yang dimusuhi oleh Barat memang begitu ketara sekali. Misalnya kalau kita melihat soal apa yang berlaku di luar negara, kita dapat kebanyakannya melalui CNN. Ini tidak dapat dinafikan

CNN kerjasama dengan RTM, maka berita CNN itulah yang kita tatap sekarang ini. Sebab itulah kita lihat misalnya apa yang berlaku di Algeria, memang dipaparkan kepada kita kegerunan kita golongan yang menyembelih orang awam, membunuh orang awam, tetapi tidak ditekankan di sudut berita misalnya kenapa ianya jadi begitu. Di antaranya ialah kerana demokrasi tidak dihormati, golongan yang menang pilihan raya, wakil-wakil rakyat berada di dalam penjara, yang kalah dalam pilihan raya menjadi menteri. Golongan itu disokong pula oleh Amerika dan negara Barat. Maka yang mereka tonjolkan ialah penyembelihan manusia secara kasar yang kita tidak boleh menyokong sama sekali, tetapi tidak ditekankan supaya Algeria kembali kepada demokrasi. Algeria menghormati keputusan rakyat pada tahun 1991, iaitu keputusan rakyat memilih parti FIS untuk memerintah.

Begitulah juga kita lihat apa yang berlaku di Sudan, digambarkan kepada kita serangan-serangan daripada sempadan yang mengelilingi Sudan melalui berita-berita agensi antarabangsa, tidak digambarkan bahawa Kerajaan Sudan itu telah dipilih oleh rakyat, agensi ataupun kumpulan-kumpulan dikelilingi negara Sudan itu dibantu oleh Amerika dan negara-negara Barat. Ini semua digambarkan supaya orang menyalahkan terutama golongan yang digelar fundamentalis Islam. Selalunya golongan ini menjadi kecaman Barat kerana mereka amat takut kepada golongan ini.

Begitulah juga kita melihat apa yang berlaku di Palestin sekarang ini bagaimana golongan-golongan yang dikatakan fundamentalis Islam yang mampu menghadapi Israel, dan mereka inilah ditakuti dan digeruni, lalu digambarlah oleh Barat sebagai fundamentalis, golongan yang diistilahkan sebagai pengganas. Bila diletakkan golongan fundamentalis ini sebagai pengganas, akhbar-akhbar kita pun mencedok mengatakan juga ianya pengganas tanpa perlu membuat analisa atau memberi second opinion terhadap apa yang dikatakan oleh Barat. Oleh itu, yang bercakap soal hal-hal professionalism ini pun kadang-kadang terturut-turut dengan apa yang dikatakan oleh Barat. Inilah yang perlu diperbaiki oleh BERNAMA supaya mereka dapat melahirkan wartawan yang profesional. Kalau misalnya kita lihat orang Barat boleh berada di medan tempur untuk membuat laporan peperangan, kita harap wartawan-wartawan BERNAMA juga ada di medan-medan tertentu untuk mendapat berita-berita yang sahih, kemudian barulah dipapar kepada orang ramai dan kita boleh melawan dengan propaganda-propaganda Barat yang anti-Islam, yang anti dunia ketiga, boleh kita lawan dengan banggunya BERNAMA salah satu yang berwibawa pada masa yang akan datang. Itulah harapan saya. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

6.00 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan bagi saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya bangun untuk menyokong akta ini yang antara lain meminta ataupun secara efektifnya menarik balik hak-hak eksklusif yang telah diberi kepada BERNAMA pada tahun 1990 bagi memungut dan menyebarkan berita-berita asing kepada pelanggan-pelanggan di Malaysia. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sejak tahun 1990 apabila proviso ini diperkenalkan, maka perkembangan-perkembangan yang berlaku selepas itu menjadikan akta ini sudah agak tidak relevan. Pertama, ialah kerana dengan adanya wawasan ataupun gagasan MSC di mana kita mahukan pengaliran maklumat secara bebas, maka kewujudan peruntukan ini mungkin menjejaskan hasrat kita. Kedua, kemajuan teknologi yang membolehkan maklumat diedarkan dari satu benua ke satu benua hanya dengan menekan butang, juga menjadikan peruntukan ini obselete.

Jadi, dua perkara ini yang saya rasa mahu tidak mahu pindaan ini terpaksa dikemukakan. Bagaimanapun, dalam menyokong pindaan ini, saya ingin menarik perhatian kementerian khususnya tentang implikasi yang timbul akibat daripada penarikan balik ini. Sepertimana yang dijelaskan tadi BERNAMA diwujudkan dalam tahun 1967. Akta ini diluluskan pada tahun 1967 dan perkhidmatannya dilancarkan pada tahun 1968. Di tengah-tengah keghairahan rakyat di negara ini yang mahukan Malaysia sebuah negara yang baru merdeka mempunyai agensi beritanya sendiri untuk mempertahankan maruah sebuah negara merdeka. Saya masih ingat pejuang-pejuang kebangsaan di kala itu termasuklah Allahyarham Syed Jaafar Albar dan Tunku Abdul Rahman sendiri yang mahukan sebuah pertubuhan berita nasional diwujudkan di Malaysia untuk mengikut apa yang berlaku di Indonesia yang ada, ANTARA, Jepun ada FEUDO dan sebagainya.

Salah satu tugas yang diamanahkan kepada BERNAMA ialah untuk mewujudkan ataupun melahirkan integrasi nasional di samping tiga fungsi yang disenaraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Pada mulanya apabila BERNAMA dilancarkan, kos membiayai operasi pertubuhan ini ditanggung secara seratus peratus oleh Kerajaan Malaysia melalui peruntukan yang diberi melalui Kementerian Penerangan. Tetapi pada tahun 1984 sehingga tahun 1986 apabila negara ketika itu menghadapi kemelesetan ekonomi, dan semasa itu samalah juga langkah yang mula hendak diambil sekarang, kerajaan telah mengenakan potongan bagi perbelanjaan mengurus hampir setiap agensi.

Secara kebetulan semasa itu saya berkhidmat dengan agensi ini. BERNAMA telah diarahkan untuk mencari punca kewangannya sendiri tanpa bergantung kepada kerajaan, dan kerajaan cuma menyediakan peruntukan yang mungkin shortfalls yang terwujud daripada pendapatan yang diperolehi oleh BERNAMA sendiri.

Itulah sebenarnya cabaran yang telah dituju kepada BERNAMA, dan Alhamdulillah pada tahun 1985, 1986 dengan kegigihannya sendiri untuk mencari punca sendiri, maka BERNAMA seratus peratus membebaskan dirinya daripada kerajaan. Maknanya, kerajaan tidak pun memperuntukkan walau satu sen kepada BERNAMA. Inilah sebenarnya satu-satu agensi kerajaan walaupun kecil yang dapat berdikari walaupun fungsi yang diamanahkan kepadanya kebanyakan adalah fungsi sosial, iaitu tanggungjawab sosial. Misalnya, macam saya kata tadi untuk mewujudkan integrasi nasional, BERNAMA diamanahkan untuk memberi ataupun menyebarkan berita kepada negeri Sabah dan Sarawak yang tanpa BERNAMA tentulah tidak mampu untuk membeli ataupun untuk melanggan dengan BERNAMA.

Pada satu masa, dari perangkaan yang saya perolehi, pungutan hasil yang diterima daripada surat khabar di Sabah dan Sarawak tidak pun mampu untuk menanggung kos komunikasi untuk menghantar berita itu ke Kuala Lumpur, ke Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini diteruskan, dan mahu tidak mahu secara langsung atau tidak langsung sedikit-sebanyak BERNAMA telah pun berjaya mewujudkan ataupun merenggangkan jurang pemisahan antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung.

Itulah sejak tahun 1994 sehingga sekarang BERNAMA terus wujud dan tumbuh dengan mantap daripada hanya sebuah agensi yang menyebarkan berita, dia juga terlibat dengan perdagangan-perdagangan ataupun perniagaan-perniagaan yang disebut non-media. Jadi, antara perkhidmatan yang disediakan oleh BERNAMA di samping perkhidmatan conventional, iaitu pemungutan penjualan berita, ia juga menyediakan perkhidmatan yang mereka sebut perkhidmatan screen, iaitu perkhidmatan melalui kaca TV khusus mengenai maklumat-maklumat pasaran saham. Penyebaran berita-berita asing ini adalah salah satu daripada fungsi BERNAMA. Saya difahamkan sepertimana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi peraturan ini, iaitu peraturan menggunakan BERNAMA untuk mengedarkan berita-berita asing hanyalah semata-mata peraturan komersil, tidak ada kena-mengena dengan penapisan

dan sebagainya. Perolehan yang mereka dapat daripada kegiatan ini pada masa sekarang ialah kira-kira RM10 juta setahun.

Sebagai sebuah agensi yang budgetnya, belanjawan tahunannya cuma berada di sekitar RM40 juta, RM10 juta merupakan hampir 25% daripada revenue ataupun hasil yang diperolehi oleh agensi ini. Yang lain-lain sebanyak RM12 juta lagi ialah daripada perniagaan non-media, iaitu penyebaran maklumat saham tadi yang saya difahamkan berjumlah kira-kira RM12 juta setahun dan bakinya diperolehi daripada sewa bangunan dan juga penjualan berita. Bila dicampur kesemua ini iaitu perolehan daripada berita asing, perolehan daripada non-media, perolehan daripada sewa bangunan dan sebagainya, maka agensi ini sepertimana yang saya katakan tadi bukan sahaja dapat berdikari tetapi juga dapat memperoleh sejak beberapa tahun kebelakangan ini surplus sebanyak RM2 juta setahun. Ini adalah satu contrast daripada apa yang berlaku pada tahun 1984 dan 1983 yang ketika itu agensi ini hampir bankrap, tidak boleh bayar gaji kakitangan.

Saya selaku salah seorang daripada yang bertanggungjawab secara langsung semasa bertugas di sana dahulu dalam 'turning around', dalam memulihkan kedudukan agensi ini berasa agak emosional sedikit dengan pindaan ini walaupun saya sokong. Kerana dengan penarikan balik hak eksklusif ini, sepertimana yang saya katakan tadi agensi ini akan kehilangan RM10 juta setahun dan ditambah pula dengan keadaan pasaran saham yang begitu malap sekarang ini, besar kemungkinan para pelanggan yang kini sedang membeli perkhidmatan screen-based tadi, perkhidmatan yang berasaskan kepada kaca TV, iaitu perkhidmatan maklumat yang sekarang ini bernilai kira-kira RM12 juta setahun, malah ini besar kemungkinan akan berkurangan, sebab para pelanggan dengan sendirinya tidak akan membeli lagi maklumat ini dalam keadaan pasaran yang begini meleset.

Saya rasa kalau sesuatu yang drastik, yang konkrit tidak diambil, maka agensi ini mungkin akan kembali kepada keadaan 'in the rack', dalam keadaan defisit, walaupun sejak lima-enam tahun dahulu ia telah mula mencatatkan surplus, satu-satunya agensi yang boleh mencapai tahap demikian walaupun kita bandingkan dengan agensi yang lebih besar yang kebanyakannya masih lagi bergantung kepada kerajaan untuk belanja operasi.

Walaupun sebenarnya sepertimana yang saya katakan tadi kita tidak dapat elakkan pindaan ini berdasarkan kepada dua sebab yang saya sebut tadi, dan semasa perkara ini saya timbulkan dalam sesi Soal-Jawab pada satu masa dahulu di Dewan yang mulia ini, Timbalan Menteri pernah menafikan

bahawa keputusan kerajaan untuk menarik balik hak eksklusif ini sebenarnya adalah akibat daripada lobi yang dibuat oleh agensi-agensi berita asing khususnya Reuters. Walaupun sebenarnya menteri menafikan dan saya akur dengan penafian, tetapi saya rasa dengan pindaan ini sudah tentu mereka akan ketawa besar. Sebab inilah sebenarnya yang telah mereka perjuangkan selama ini.

Implikasi kepada pindaan ini ialah kalau misalnya mereka hendak jual berita mereka di Malaysia mereka tidak payah lagi jual melalui BERNAMA yang selama ini bertindak sebagai marketing agent dan rundingan-rundingan melalui BERNAMA, maka harga pasaran itu dapat ditetapkan pada kadar yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak. Tetapi sebenarnya dengan menjual terus kepada pelanggan dalam negara, maka sudah barang tentu mereka boleh menetapkan harga sesuka hati mereka, sebab dalam business ini mereka boleh buat macam-macam untuk menarik para pelanggan. Sepertimana yang saya katakan tadi perolehan daripada kegiatan ini kira-kira RM10 juta setahun, dan saya difahamkan bahawa komisyen yang diterima oleh BERNAMA dari pendedaran ini hanyalah dalam sekitar 10% ataupun mungkin kurang. Jadi, kalau 10% ini diambil, maknanya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the total news business in Malaysia is worth about RM100 million - berita sahaja.

Dengan pindaan ini, maka keseluruhan pendapatan sebanyak kira-kira RM100 juta ini akan dipungut bersih oleh agensi-agensi asing tanpa satu sen pun diperolehi oleh rakyat tempatan. Ini tidak termasuk perniagaan-perniagaan maklumat, ini adalah perniagaan berita. Perniagaan-perniagaan maklumat yang bukan berita, yang berbentuk information seperti maklumat-maklumat saham, maklumat-maklumat lain yang saya diberitahu bernilai ratusan juta ringgit lagi yang kebanyakan masih juga dikongkong ataupun dikontrol oleh rakyat asing. Jadi, inilah sebenarnya senario yang kita harus lihat dalam keghairahan kita untuk memenuhi cita-cita kita untuk menjamin pengaliran berita dan maklumat tanpa sekatan ini, dengan sendirinya peluang rakyat kita untuk sama-sama memperolehi pendapatan dari kegiatan yang berlaku dalam negara kita sudah dirampas oleh orang asing. Itu daripada satu segi.

Daripada segi kedua pula, kalau misalnya Kementerian Penerangan khususnya tidak memberikan sesuatu gantian yang konkrit untuk offset kerugian sebanyak RM10 juta ini, saya rasa saya tidak keterlaluan kalau saya kata BERNAMA akan menghadapi masalah. Sepertimana Dewan yang mulia ini pernah dimaklumkan, BERNAMA kini dalam persediaan untuk dikorporatkan. Satu kajian sekarang sedang ditimbang oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, salah satu

komponen dalam cadangan pengkorporatan itu ialah penerusan hak eksklusif ini. Dengan penarikan balik hak ini, dengan berkurangnya pendapatan ini, maka secara langsung, secara terus idea untuk mengkorporatkan BERNAMA sudah tidak viable lagi. Ini sebenarnya telah menimbulkan satu keadaan yang sungguh sedih.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, BERNAMA kini menampung kira-kira 450 orang pekerja, termasuk para wartawan dan bukan wartawan, dan kalau kita darab lima 2,000 lebih manusia yang harus diberi makan. Kalau agensi ini sekali lagi bankrap sepertimana yang pernah mereka alami pada satu masa dahulu, siapa yang akan bertanggungjawab kepada lebih 2,100 orang ini? Sehingga ini kita belum lihat apakah projek yang hendak ganti itu. Ada cakap-cakap mengatakan mungkin Kementerian Penerangan akan beri lesen TV untuk BERNAMA. Kalau lesen TV, sudah beberapa banyak stesen TV swasta di negara ini. Untuk menjalankan perkhidmatan TV, ia memerlukan modal yang tidak sedikit. Modalnya adalah tinggi dan dalam keadaan sekarang BERNAMA memang tidak ada duit hendak buat kesemua ini.

Kesemua faktor-faktor ini dengan sendirinya telah melemahkan para pekerja BERNAMA. Saya baru sahaja dibisikkan oleh rakan-rakan saya dahulu bahawa morale para pekerja BERNAMA ini mungkin kementerian tidak tahu, morale para pekerja BERNAMA sekarang ini adalah berada, dengan izin, pada tahap yang paling rendah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Bukan 'moral', tetapi morale.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Dalam Bahasa Melayu 'moral' yang paling rendah. Dan pada masa yang sama saya dimaklumkan sama ada kementerian tahu atau tidak, Pengurus Besar BERNAMA yang merupakan Chief Executive BERNAMA apabila melihat keadaan yang kelam-kabut ini telah pun menghantar surat perletakan jawatan. Perkara ini adalah perkara serius. Oleh kerana keadaan yang begini kelam-kabut, Ketua Eksekutifnya letak jawatan, dan siapa yang akan bertanggungjawab kepada anak-anak buah mereka yang 450 tadi dengan keluarga mereka, hanya dengan keghairahan kita untuk menarik balik hak eksklusif ini.

Saya rasa kementerian lebih bijak hendak beri apa, dan saya rasa janganlah beri lesen TV, sebab saya tidak yakin mereka boleh bersaing dengan Astro, dengan TV3, Metro entah apa-apa lagi. Begitu juga kalau lesen radio. Salah satu perkara yang mungkin boleh kita buat ialah dengan adanya Multimedia Super Corridor (MSC), kerana BERNAMA telah terlibat dalam kegiatan IT sejak tahun

1984. Saya rasa kalau kita cakap fasal IT BERNAMA adalah satu-satunya agensi kerajaan yang punya wewenang ataupun authority dalam segi ini kerana mereka telah melibatkan dalam industri IT ini sejak tahun 1984. Apabila mereka sudah memulakan langkah sejak tahun 1984, sepatutnya sekarang ini mereka sudah jadi leader dalam bidang ini. Tetapi malangnya sejak tahun 1984 sehingga sekarang sudah banyak players atau pemain-pemain lain yang memasuki pasaran dan mereka berasa begitu tertekan dalam bersaing dengan syarikat-syarikat lain yang kebanyakannya dimiliki oleh syarikat asing.

Jadi, mungkin salah satu daripada cara yang saya tak tahu dari segi pendapatannya berapa jumlahnya, mungkin kita boleh fikirkan ialah untuk memberi peranan kepada BERNAMA sebagai content provider kepada MSC. Itu salah satu kegiatan yang boleh kita lakukan. Sekiranya tidak, saya rasa kerajaan tidak mempunyai pilihan lain, sebab kewujudan BERNAMA itu sendiri adalah dengan adanya hak eksklusif ini, dengan penarikan balik hak eksklusif ini dengan tidak secara langsung bahawa relevan kewujudan BERNAMA itu sudah hilang. Sebab siapa sahaja dalam negara ini boleh mewujudkan pertubuhan berita nasional melalui Akta Syarikat boleh mendaftarkan syarikat dan buat perniagaan, memungut dan mengedarkan berita, tidak payah ada national news agency. Yang Berhormat dari Parit Sulong pun boleh, dia minta lesen buat perniagaan media. Jadi, walaupun saya sebenarnya tidaklah mahukan bahawa semua industri ini harus mempunyai perlindungan ataupun protection, tetapi harus ingat tentang falsafah di sebalik penubuhan BERNAMA tadi, pertama ialah untuk mempertahankan maruah negara. Kedua, ialah untuk mewujudkan integrasi nasional.

Dalam hubungan ini, saya tidak setuju dengan dakwaan sahabat saya tadi yang mengatakan BERNAMA tidak buat apa selama ini. Sebenarnya sama ada sedar atau tidak kewujudan BERNAMA selama ini telah banyak membantu dalam membetulkan laporan-laporan negatif daripada negara lain. Misalnya, BERNAMA adalah juga anggota daripada satu pertubuhan yang disebut Organization of Asia Pacific News Agency (OANA) yang merangkul semua agensi-agensi berita di dunia ketiga dalam Asia dan Latin Amerika yang hari-hari bertukar maklumat. Jadi, maknanya sesuatu berita yang berasal dari Malaysia ini mahu tidak mahu ia akan diterima oleh lebih daripada 140 negara di seluruh dunia melalui rangkaian OANA.

Ada disebut tadi tentang IRNA yang kononnya merupakan satu agensi dunia ketiga yang begitu berwibawa sehingga ia dipetik oleh seluruh agensi-agensi berita asing di seluruh dunia. Sebenarnya ini terdapat sesuatu kekeliruan. Apabila sebuah syarikat berita asing memetik satu laporan

dan kemudian dia beri credit line, sebenarnya itu adalah satu guarantee kepada dia yang dia tidak mahu terlibat. Kalau misalnya menurut IRNA, dia hendak kata ini IRNA, is not mine, dengan izin, therefore saya tidak guarantee kredibilitinya. Tidak guarantee kesahihannya. Kalau berita itu dipetik tetapi tidak diberi credit line, maknanya tidak diberi nama sumber. Maknanya, dia sendiri setuju dengan berita itu. Begitulah juga dengan BERNAMA.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat kagum kerana dia memang pakar BERNAMA. Cuma saya tertarik dengan OANA Network, rangkaian OANA, iaitu Organization of Asia Pacific News Agency yang merupakan rangkaian agensi-agensi berita dunia ketiga. Tidakkah boleh ini akan menjadi lebih berkesan sekiranya BERNAMA itu menjadi kor kepada kewujudan Malaysian International News Agency yang boleh memainkan peranan, yang menggabungkan modal daripada *New Straits Times*, *Utusan Malaysia*, baik TV3 dan sebagainya di mana network ini sekarang terpencil dan tersendiri, tetapi sebenarnya boleh digabungkan through networking, model and manpower, menjadi suatu kuasa yang lebih berpengaruh di masa akan datang.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pada konsepnya saya setuju. Sebab sebenarnya inilah idea di belakang penubuhan OANA dan sebagainya tadi. Tetapi pada realitinya, dari segi praktikalnya Organization of Asia Pacific News Agency tadi yang dianggotai oleh 40 agensi dari dunia ketiga masing-masing berada dalam tahap pembangunan yang berbeza. Mungkin Malaysia boleh dianggap sebagai sudah sampai ke tahap yang advance, tetapi setengah-setengahnya itu kalau kita pergi ke pejabat mereka, mereka masih lagi menggunakan typewriter buruk, sedangkan kita sudah lama guna komputer. Kalau kita pergi ke Philippines News Agency, mereka masih lagi hantar berita dengan telefon. Di sini orang pakai PC. Misalnya, kalau cameraman mereka masih mengambil gambar dengan *[sambil menunjukkan isyarat]* kita sudah pakai digital camera.

Jadi, oleh kerana tahap pembangunan yang berbeza-beza ini, payah dia hendak bersetuju.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Saya habiskan dahulu. Jadi, dari pengalaman saya, kalau kita berpakat-pakat ini tidak boleh jadi. Yang Berhormat dari Kubang Kerian sebut tentang Islamic News Agency (INA) yang sebenarnya memang betul diwujudkan oleh Malaysia, dipelopori

oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman dahulu. Tetapi macam biasalah, maaf cakap, OIC begitu juga sikapnya dari pengalaman saya yang serius untuk menjalankan agensi ini ialah Malaysia, Indonesia dan beberapa buah negara di rantau ini. Yang lain sumbangan tahunan pun tidak bayar, bertapak-tapak hutang, macam mana hendak jalan kalau duit sudah tidak ada. Jadi, jalannya, saya setuju dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong, kalau kita hendak buat ini, tidak ada jalan singkat. Kita tidak boleh berpakat bawa sana, kita buat sendiri. Kalau Malaysia mampu, kita wujudkan international news agency sendiri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sekarang ini saya rasa bolehlah kita katakan bahawa majoriti media asing ini adalah hasil dari wang Yahudi. Sebab itu pengolahan berita adalah mirip Yahudi, mungkin membawa agenda Zionisme. Jadi, sekiranya wujud satu konsortium syarikat Malaysia untuk mewujudkan international news agency, tidakkah mungkin sahabat-sahabat yang di Asia Pasifik ini boleh dijadikan network sama ada sebagai client ataupun sebagai penerima supaya ini adalah satu jalan yang dipelopori oleh Malaysia dapat menguasai pemberitaan dunia pada suatu ketika yang akan datang dengan modal Malaysia, with Malaysian Ringgit, dengan izin.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Jawabnya memang boleh, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang saya sebut tadi, jalan yang singkat tidak ada. Kalau kita hendak kita buat dan gunakan wang sendiri. Saya yakin dengan adanya tokoh-tokoh korporat yang besar-besar di Malaysia ini kalau mereka mampu beli syarikat-syarikat penerbangan yang besar-besar, tidak payah mereka buat konsortium, beli sahaja International News Agency yang wujud. Pada suatu masa dahulu, sebuah news agency, saya tidak boleh sebut nama, sebab ini mungkin prejudice, dalam perundingan, pernah ditawarkan untuk dijual. Saya sendiri bukan melalui Dewan ini pernah mencadangkan kepada kerajaan supaya beli sahaja, bukannya mahal. Masa itu dalam US\$20 million. Akhirnya, oleh kerana masa itu mungkin kita tidak melihat pentingnya benda ini, agensi itu terlepas ke sebuah keluarga diraja Arab Saudi. Mungkin sekarang ini kalau kita berunding secara betul, mereka hendak jual. Kita tidak payah buat konsortium, buat working paper, tetapi kita beli ready made, dengan izin, sudah wujud bukan mahal.

Kita boleh employ orang Inggeris untuk jadi wartawan. Cuma kita suruh dia ikut cara kita, tidak payah kita train wartawan kita, sudah ada ready made wartawan, networknya sudah ada seluruh dunia, kita beli sahaja. Itu salah satu daripada cara. Jadi, saya sendiri tidak bersetuju ataupun tidak

percaya yang short cut negara-negara dunia ketiga berpakat. Jadi, saya sendiri dahulu semasa berkhidmat dengan BERNAMA sudah jenuh berjalan, merata-rata dunia mesyuarat. Tetapi habis di mesyuarat sahaja, selepas itu resolusi semua orang tidak laksanakan. Kita syoklah berjalan banyak, tetapi tidak boleh dilaksanakan, sebab tidak ada orang yang serius, kecuali dua-tiga orang seperti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada akta ini. Tadi saya katakan kecuali sesuatu yang substantial diberikan kepada BERNAMA maka besar kemungkinan agensi ini akan bankrap dengan penarikan balik hak eksklusif ini. Jadi, kalau ini keadaannya, sepertimana yang saya katakan tadi, kita cipta untuk mengkorporatkan agensi ini sudah tentu tidak akan viable lagi. Salah satu lagi jalan keluar yang boleh kerajaan ambil, dan saya ingin kalau boleh benda ini dipertimbangkan secara serius, kerajaan jual sahaja BERNAMA kepada mereka yang berminat, saya yakin banyak syarikat-syarikat yang ada dalam negara ini yang terlibat dengan perniagaan maklumat ini mahukan agensi ini, sebab mereka boleh gabungkan agensi ini dengan perniagaan-perniagaan mereka yang lain. Dari segi profesionalisme kewartawanannya saya tidak pernah abaikan.

Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi yang mengatakan wartawan BERNAMA ini tidak profesional. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya rasa wartawan BERNAMA adalah salah satunya kumpulan wartawan di negara ini yang masih boleh bercakap dan menulis dengan fasih dalam dua bahasa, [*Tepuk*] bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, kerana ini sebenarnya working language yang ada di BERNAMA yang diperuntukkan di bawah akta. Kalau hendak bekerja di BERNAMA mesti bilingual. Oleh kerana keseluruhan wartawan BERNAMA bilingual ini, maka mereka merupakan satu training ground, hot cake. Kadar perletakan jawatan, pemberhentian di BERNAMA adalah terlalu tinggi, kerana wartawan-wartawan BERNAMA sentiasa berada dalam keadaan demand yang tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kalau kita lihat sahaja tokoh-tokoh yang mengetuai akhbar-akhbar tempatan hari ini semuanya bekas wartawan BERNAMA, kecuali seorang Ahli Parlimen sahajalah, bekas wartawan. Yang lain Ketua Pengarang *New Straits Times*, Dato' A. Kadir Jasin adalah bekas wartawan BERNAMA, Ketua Pengarang *The Sun*, Saudara Raja Arbee adalah bekas Ketua Pengarang BERNAMA. Begitu juga dengan Ketua Pegawai Operasi TV3 semuanya bekas wartawan BERNAMA. Kita boleh lihat, begitu juga dengan lain-lain...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Itulah saya katakan tadi cuma seorang sahaja Ahli Parlimen. *[Ketawa]* Ini bermakna bahawa mereka mempunyai kredibiliti. Saya tidak bersetuju kalau ada yang mengatakan wartawan BERNAMA tidak ada kredibiliti. Sepertimana yang saya katakan tadi inilah satu-satunya agensi yang masih mengamalkan bilingualism dalam kegiatan harian mereka. Bukan kerana mereka tidak menghormati Bahasa Kebangsaan, tetapi oleh kerana ini adalah kehendak akta, sampai sekarang tidak pinda lagi. Language of operation in BERNAMA is English and Malay masih kita tidak pinda. Mungkin kita tidak nampak sebelum ini, tetapi itulah dia hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk....

Seorang Ahli: Sambung minggu depan.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Ya, saya baru teringat tentang.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia belum habis, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia belum habis.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Belauam habis, Kepong.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Baru winding up. *[Ketawa]* Baru masuk gear mahu winding up.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong, dia belum habis lagi.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Belum habis. Saya kata tadi, kecuali sesuatu yang konkrit....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: ...diambil oleh kerajaan, maka kita khuatir kerajaan terpaksa menutup agensi ini. Jadi untuk mengelakkan agensi ini ditutup, biarlah kita serahkan kepada pihak yang berminat yang boleh saya kira menyelamatkan agensi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat tidak beri jalan. Masa tidak cukup. Satu minit sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar mahu mewujudkan satu gagasan di sini. Bermakna pada asasnya Yang Berhormat dari Parit Buntar bersetuju Malaysia mempelopori kewujudan International News Agency, okay. Yang keduanya, bahawa BERNAMA ini harus diberi satu pembelaan yang seluas-luasnya. Saya bercakap begini kerana saya hendak beri peluang dia menimba lebih banyak maklumat bawa dalam Dewan hari Isnin ini supaya sambung supaya kita dapat satu deliberation yang betul-betul memuaskan hati dalam penyokongan kepada pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Ya, saya setuju sepertimana yang saya katakan tadi. Tetapi cuma mungkin saya berbeza pendapat dengan Yang Berhormat ialah tentang jalan singkat tadi. Saya tidak berapa percaya bahawa sesuatu benda yang kita hendak buat itu kita boleh jalan pintas. Kita hendaklah buat sepertimana yang seharusnya. Kalau kita tidak ada duit jangan buat. Kalau kita hendak buat, kita mesti ada fund ataupun tabungan untuk buat perkara itu. Dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Yang Berhormat hendak sambung?

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak sambung minggu depan atau tidak?

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sambung ya. Kepong kena sabar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

